

MANUAL PENARAFAN HIJAU-JKR



SEKTOR BANGUNAN

Penarafan Semula Bangunan Baharu Bukan
Kediaman - KB1a

Ver 1.1 (2016)

This document was designed and intended to be printed front-and-back, preferably using borderless option.
Before printing, ensure to select draft settings for ink minimization since the content are non-graphic intensive and does not require quality print.
If possible, ensure also that the paper used is from "farmed forest" sources and that the ink used is natural base.

This Manual pH JKR KB1 a was developed for the purpose of recertification of pH JKR KB1.

Go Green for our better life.

PRAKATA

Pada 8 Mei 2012, bersempena dengan Mesyuarat Pengarah-pengarah, pH JKR, kategori Bangunan Baru Bukan Kediaman (KB1) dan kategori Jalan Baru Persekutuan (KJ1) telah dilancarkan. Kemudian disusuli pula pada bulan Februari 2013, oleh skim bagi kategori Bangunan Sedia Ada Bukan Kediaman, KB2 dan skim bagi kategori Naiktaraf Jalan Persekutuan dan Negeri (KJ2).

Semenjak itu, telah banyak pencapaian yang telah dikecapi dan lebih banyak lagi cabaran yang dilalui. Antaranya ialah arahan YB Menteri Kerja Raya untuk menggabungkan pH JKR dengan GreenPASS yang telah menghasilkan Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST) yang dapat mengira tahap pengurangan pelepasan karbon bagi kriteria hijau berkaitan.

Rancangan Malaysia ke-11 telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Mei 2015. Enam(6) Teras Utama telah dikenalpasti dan satu daripadanya adalah Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan. Dan satu daripada strategi yang digariskan bagi mewujudkan pasaran hijau adalah dengan menggalakkan penggunaan Skim Penarafan Hijau. Maka pada 23 September 2015, KPKR telah mengeluarkan satu Surat Arahan KPKR Bil. 17/2015 bagi Pelaksanaan Skim Penarafan Bangunan Hijau Di Semua Projek JKR Dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Ini adalah satu cabaran yang amat besar bagi pihak pelaksana pH JKR. Walaubagaimanapun, pihak pelaksana mengambil cabaran ini sebagai satu pemangkin ke arah menjadikan Pembangunan Lestari sebagai satu budaya kerja di JKR dan semua projek kerajaan amnya.

Berpandukan pengalaman melaksanakan pH JKR selama 3 tahun, pihak pelaksana berpendapat bahawa satu dokumen yang digunakan bagi kategori bangunan yang perlu ditaraf semula selepas 3 tahun, perlu diwujudkan. Maka terbitlah dokumen ini bagi kegunaan Penarafan Semula pH JKR.

KB1A

- Persijilan semula bagi bangunan yang mengaplikasi KB1

Pengerusi

Jawatankuasa Penyediaan Skim Penarafan Hijau JKR (pH JKR)

HAK MILIK CIPTA

Hak milik cipta dokumen pH JKR ini dan kandungannya yang mana termasuk maklumat, teks, imej, grafik, dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan JKR kecuali dinyatakan sebaliknya.

Tiada mana-mana bahagian dokumen ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada JKR.

Produk-produk lain, logo dan syarikat atau organisasi yang tercatat di dalam dokumen ini adalah kepunyaan syarikat atau organisasi tersebut.

PENGHARGAAN

Manual Skim Penarafan Hijau JKR (pH JKR) KB1a V1 ini telah disiapkan dengan hasil usaha yang berterusan dan dinamik oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR). Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat:

Bil.	Nama	Cawangan / Bahagian terlibat
1	Dato' Ir Dr Roslan Md Taha	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
2	Kamalaldin bin Abd Latif	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
3	Ir. Badioezaman bin Ab. Khalik	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
4	Farah Abdul Samad	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
5	Mastura binti Shaari	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
6	Zuraini binti Zainal	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
7	Zainon Jaini	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
8	Abdul Halim Mat Yani	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
9	Shahrizal bin Umar	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
10	Addy Shahelmy bin Abdul Salam	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
11	Kharrus binti Ismail	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
12	Nurul Hidayah Adriansyah	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
13	Syaifatul Afzan Khalip	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
14	Norfariza binti Zakaria	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
15	Mohd Hazwan bin Mohd Anuar	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
16	Mohd Shahril bin Mohamad	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
17	Lim Chi Chon	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
18	Nur Adila binti Abidin	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
19	Norasila binti Alias	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
20	Ismail @ Vorarak bin Mustapha	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
21	Dr Norshahreene Mohd Ibrahim	Caw. Arkitek
22	Siti Maizura Mahbob	Caw. Arkitek
23	Mohd Firdhaus Mohd Sahabuddin	Caw. Arkitek
24	Ir Ismail Abd Rahman	Caw. Kejuruteraan Awam & Struktur
25	Rohaizi bin Hashim	Caw. Kejuruteraan Awam & Struktur
26	Hamizan bin Husain	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
27	Isfanizam bin Ismail	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
28	Norhaziman bin Noh	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
29	Mohd Hairie bin Abdul Halim	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
30	Thiagarajen Munusamy	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
31	Ir Mohd Zaini Abu Hassan	Caw. Kejuruteraan Elektrik
32	Ir. Hj. Baihaki bin Azrae	Caw. Kejuruteraan Elektrik
33	Mohd Ainor Yahya	Caw. Kejuruteraan Elektrik
34	Mohd Shahril bin Abdul Rashid	Caw. Kejuruteraan Elektrik
35	Sr. Maselawati bt Shamsuddin	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
36	Sr. Hamidi bin Naimudin	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
37	Roslina binti Ahmad	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
38	Hasnita binti Ahmad	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
39	Ir. Hj. Abu Harith bin Shamsuddin	Bah. Kejuruteraan Senggara Fasiliti Bangunan
40	Lee Eng Thong	Bah. Kejuruteraan Senggara Fasiliti Bangunan

PENGHARGAAN JK 2016

Manual Skim Penarafan Hijau JKR (pH JKR) KB1a V2 ini telah disiapkan dengan hasil usaha yang berterusan dan dinamik oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR). Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat:

Bil.	Nama	Cawangan / Bahagian terlibat
1	Dr Norshahreene Mohd Ibrahim	Caw. Arkitek
2	Dr Azlina Aziz	Caw. Arkitek
3	Siti Maizura Mahbob	Caw. Arkitek
4	Ir Ismail Abd Rahman	Caw. Kejuruteraan Awam & Struktur
5	Rohaizi bin Hashim	Caw. Kejuruteraan Awam & Struktur
6	Hamizan bin Husain	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
8	Norhaziman bin Noh	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
9	Mohd Hairie bin Abdul Halim	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
12	Ir. Hj. Baihaki bin Azrae	Caw. Kejuruteraan Elektrik
13	Mohd Ainor Yahya	Caw. Kejuruteraan Elektrik
15	Sr. Maselawati bt Shamsuddin	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
16	Sr. Hamidi bin Naimudin	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
17	Roslina binti Ahmad	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
18	Hasnita binti Ahmad	Caw. Kontrak & Ukur Bahan
19	Ir. Hj. Abu Harith bin Shamsuddin	Bah. Kejuruteraan Senggara Fasiliti Bangunan

URUSESTIA

Bil.	Nama	Cawangan / Bahagian terlibat
1	Farah Abdul Samad	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
2	Zainon Jaini	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
3	Abdul Halim Mat Yani	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
4	Shahrizal bin Umar	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
5	Kharrus binti Ismail	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
6	Nurul Hidayah Adriansyah	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
7	Syaifatul Afzan Khalip	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
8	Nur Adila binti Abidin	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
9	Khamarul Ashraaf Bin Arif	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
10	Norazlina Mohammad Abu	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
11	Norasila binti Alias	Caw. Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga

Table of Contents

PRAKATA	3
PENGENALAN	9
PENARAFAN SEMULA SKIM PENARAFAN HIJAU JKR.....	9
OBJEKTIF	9
MANFAAT.....	9
KRITERIA PENARAFAN	10
SYARAT UMUM	11
<i>Proses Kerja Peringkat 1 (P1)</i>	12
<i>Proses Kerja Peringkat 2 (P2)</i>	12
.....	13
BUTIRAN PEMARKAHAN	14
KLASIFIKASI PENARAFAN	14
SKOR & SENARAI KEPERLUAN PENGESAHAN KB1A	15
SENARAI ISTILAH DAN TAKRIF	19
SENARAI SINGKATAN YANG DIGUNAKAN DI DALAM DOKUMEN INI	20
PENGURUSAN FASILITI LESTARI	21
FL 1 PENARAFAN SEDIA ADA	23
FL 2 PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN	25
2.1 PENGURUSAN DATA DAN RUANG	25
FL 2 PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN	27
2.2 PENGURUSAN SISTEM	27
FL 2 PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN	29
2.3 PRESTASI PENGURUSAN	29
FL 3 PENYENGGARAAN MAPAN	31
3.1 <i>Ruang pejabat untuk pasukan penyenggaraan</i>	31
3.2 <i>Kontraktor penyenggaraan</i>	33
3.3 <i>Pelan Penyenggaraan</i>	35
3.4 <i>Manual Pengguna Bangunan</i>	37
PERANCANGAN DAN PENGURUSAN TAPAK LESTARI	39
TL 1 PERANCANGAN TAPAK	41
TL 2 PEMELIHARAAN CERUN (E)	43
TL 3(M) PENGURUSAN AIR LARIAN HUJAN	45
TL 4(M) REKABENTUK MESRA O.K.U	47
TL 5 LANDSKAP STRATEGIK.....	49
5.1 <i>Memulihara pokok yang matang.</i>	49
5.2 <i>Kawasan hijau dalam pembangunan.</i>	51
5.3 <i>Penanaman pokok teduhan.</i>	53
5.4 <i>Pemilihan bahan binaan bumbung (walkway) yang mempunyai daya pantulan haba yang tinggi.</i>	55
5.5 <i>Sistem turapan berumput (berongga)</i>	57
TL 6 BUMBUNG HIJAU & DINDING HIJAU	59
6.1 <i>Indeks Pantulan Suria (SRI) mengikut jenis & kecerunan bumbung.</i>	59
6.2 <i>Menggalakkan rekabentuk bumbung/dinding hijau.</i>	61
TL 7 TEMPAT LETAK KENDERAAN	63
PENGURUSAN KECEKAPAN TENAGA	65
KT 1 KECEKAPAN PENCAHAYAAN	67
1.1 <i>Zon pencahayaan</i>	67
1.2 <i>Lighting Power Density (LPD)</i>	69
KT 2 ACMV	70
2.1 <i>Coefficient of Performance (COP)</i>	70
2.2 <i>Green Refrigerant</i>	72
KT 3 PENYUSUPAN UDARA	74
KT 4 TENAGA BOLEH BAHARU	76
KT 5 INTENSITI TENAGA BANGUNAN	78
KT 6 PAPARAN & KAWALAN.....	82
6.1 <i>Sistem Pengurusan Kawalan Tenaga</i>	82
7.1 <i>Sistem Pengurusan Tenaga</i>	84

PENGURUSAN SUMBER & BAHAN.....	87
SB 1 3R – (REDUCE, REUSE, RECYCLE) SEMASA OPERASI	89
.....	89
PENGURUSAN KECEKAPAN PENGGUNAAN AIR	91
PA 1 (M) PRODUK KECEKAPAN AIR	93
PA 2 PENJIMATAN PENGGUNAAN AIR	95
2.1 DALAM BANGUNAN.....	95
2.2 LUAR BANGUNAN.....	97
PA 3 SISTEM PENYALIRAN AIR HUJAN (SPAHE).....	99
PA 4 KITAR SEMULA AIR SISA.....	101
PA 5 SUB-METER AIR.....	103
PA 6 SISTEM PENGESAN KEBOCORAN AIR.....	105
PENGURUSAN KUALITI PERSEKITARAN DALAMAN	107
PD 1(M) LARANGAN MEROKOK	109
PD 2 PERANCANGAN RUANG	111
2.1 Lebar bangunan yang efektif.....	111
2.2 Susunatur ruang pejabat terbuka sepanjang permukaan fasad	113
2.3 Dinding sesekat dalaman yang telus cahaya.....	115
2.4 Ketinggian siling yang efektif.....	117
2.5 Warna cerah di permukaan dinding dan siling.....	119
PD 3 KUALITI VISUAL	121
3.1 Faktor Pencahayaan Siang (DF).....	121
PD 3 KUALITI VISUAL	125
3.2 Menggunakan rak cahaya (light shelves)	125
3.3 Kawalan Tahap Kesilauan.....	127
3.4 Akses visual kepada pandangan di luar.....	129
3.5 Tahap Pencahayaan (bukan semulajadi) Bilik	131
PD 4 PRESTASI PENGUDARAAN.....	133
4.1 Memaksimumkan Kawasan Tanpa Keperluan Sistem Penyaman Udara.....	133
4.2 Prestasi Kualiti Udara Dalaman : ASHRAE 62.1:2007 & 129.....	135
PD 5 KESELESAAN THERMAL& KAWALAN SISTEM.....	137
5.1 Rekabentuk Keselesaan Thermal: ASHRAE 55	137
5.2 Kawalan Sistem Pencahayaan& Pengudaraan	139
PD 6 KUALITI PERSEKITARAN DALAMAN DIPERTINGKATKAN.....	141
6.1 Kawalan Paras Karbon Dioksida	141
PD 7 KESELESAAN AKUSTIK	143
PD 8 PENCEGAHAN KULAPUK	145
PD 9 KAJI SELIDIK KESELESAAN PENGHUNI.....	147
INOVASI.....	149
IN INOVASI LESTARI	151

Pengenalan

Penarafan Semula Skim Penarafan Hijau JKR

Penarafan pH JKR sah untuk 3 tahun sahaja. Bangunan yang telah diberi penarafan Hijau JKR, perlu menjalani proses penarafan semula selepas tiga (3) tahun. Jangkamasa ini cukup untuk menilai bangunan yang lazimnya sudah siap dan diduduki selama 3 tahun. Ini adalah supaya dapat memastikan bangunan yang telah diberi penarafan disenggara dengan baik dan ia beroperasi sepertimana yang dimaksudkan semasa peringkat rekabentuk atau lebih baik. Peningkatan prestasi bangunan dari tahap ia mula-mula digunakan adalah amat digalakkan.

Bagi memastikan kelancaran peringkat Penarafan Semula, Pemilik Bangunan dinasihatkan agar membangunkan Pelan Penarafan Semula. Pelan ini harus menjangka perubahan yang mungkin berlaku, kemungkinan ketidakpatuhan dan semua aspek kekal termasuk prestasi penambahbaikan dan pemantauan berterusan, semuanya melalui data yang diambil dalam tempoh 3 tahun.

Proses yang terlibat dalam prosedur penarafan semula ini adalah seperti berikut:

Peringkat 1 ~ Permohonan Penarafan Semula (rujuk proses kerja P1)

Peringkat 2 ~ Verifikasi Pengoperasian (rujuk proses kerja P2)

Objektif

Objektif Penarafan Semula pH JKR adalah:

- Memastikan bangunan yang telah diberi penarafan sentiasa beroperasi mengikut prestasi yang telah ditetapkan;
- Menggalakkan pemilik bangunan mengambil berat mengenai penyenggaraan bangunan bagi mengekalkan prestasi tersebut;
- Mengurangkan kos pengoperasian, mengurangkan degridasi alam sekitar dan memberikan keselesaan kepada pengguna, sekiranya prestasi bangunan dapat dikekalkan.

Manfaat

- Mengurangkan penggunaan bahan mentah
- Mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil
- Menghasilkan tenaga
- Mengurangkan penggunaan air
- Mengurangkan pelepasan udara
- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan pencemaran air
- Mengurangkan sisa pepejal
- Memulihara habitat
- Mewujudkan habitat
- Mengurangkan jejak karbon

Kriteria Penarafan

Bangunan-bangunan yang didaftarkan untuk mengikuti Skim pH JKR ini akan diberi penarafan berdasarkan 7 kriteria utama seperti berikut:

Singkatan	Kriteria
FL	Pengurusan Fasilitas Lestari
TL	Perancangan & Pengurusan Tapak Lestari
KT	Pengurusan Kecekapan Tenaga
SB	Pengurusan Sumber & Bahan
PA	Pengurusan Kecekapan Penggunaan Air
PD	Pengurusan Kualiti Persekitaran Dalaman
IN	Inovasi


- FL ~ Pengurusan Fasilitas Lestari**
Pengurusan Fasilitas secara lestari adalah satu dari komponen penting untuk mencapai faedah aset yang optimum. Pengurusan data dan maklumat sesuatu aset juga penting bagi menentukan pengurusan fasilitas dapat dilaksana secara sistematik.
- TL ~ Perancangan & Pengurusan Tapak Lestari**
Tapak yang telah dibangunkan perlu diurus secara lestari supaya dapat meminimalkan impak terhadap alam sekitar. Pengurusan air larian hujan perlu dijalankan secara lestari. Pemulihan dan Pemeliharaan alam sekitar juga perlu diambil perhatian.
- KT ~ Pengurusan Kecekapan Tenaga**
Meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dengan mengoptimalkan penggunaan cahaya siang semulajadi dan mengawal penyusupan udara luar adalah antara strategi penjimatan tenaga yang berkesan pada peringkat pengoperasian.
- SB ~ Pengurusan Sumber & Bahan**
Penggunaan bahan yang diberi penarafan hijau oleh badan yang telah diiktiraf adalah amat digalakkan. Meluaskan lagi penggunaan IBS yang jelas mempunyai banyak kebbaikannya dari segi kelestarian. Pengurusan sisa pepejal juga perlu diambil perhatian.
- PA ~ Pengurusan Kecekapan Penggunaan Air**
Menggalakkan penggunaan semula air dan juga air hujan sambil menjimatkan air dengan menggunakan produk cekap air akan dapat mengurangkan ketergantungan terhadap air terawat. Pengurusan penggunaan dan kebocoran air juga perlu diambil perhatian.
- PD ~ Pengurusan Kualiti Persekitaran Dalaman**
Kualiti Persekitaran Dalaman dapat ditingkatkan dengan penggunaan ruang yang sistematik dan efisien, penggunaan cahaya siang, pengudaraan semulajadi, keselesaan *thermal*, visual dan akustik dan juga kualiti udara yang baik.
- IN ~ Inovasi**
Inisiatif dan rekabentuk yang inovatif yang selaras dengan misi kerajaan. Memberi peluang kepada projek untuk menunjukkan kebolehan dalam industri bangunan hijau dalam menyumbang pendekatan kreatif untuk bidang rekabentuk lestari. Ia juga merupakan cara yang baik untuk bangunan dapat beroperasi dengan lebih efisien lagi.


Syarat Umum

Beberapa kriteria perlu ada pada sesebuah projek bagi membolehkan ia mengikuti program skim pH yang khusus untuk menentukan jenis pembangunan dan keberkesanan pelaksanaan pembangunan hijau.

Syarat Umum Persijilan pH JKR KB1a:

- Melengkapkan Borang JKR/pH JKR/BRG03
- Salinan sijil pH JKR KB1
- Permohonan Penarafan semula perlu dibuat tiga(3) bulan sebelum tamat tempoh sijil Penarafan sebelumnya.





Butiran Pemarkahan

		Markah	Peratusan
FL	PENGURUSAN FASILITI LESTARI	9	9%
TL	PERANCANGAN & PENGURUSAN TAPAK LESTARI	15	15%
KT	PENGURUSAN KECEKAPAN TENAGA	27	28%
SB	PENGURUSAN SUMBER & BAHAN	3	3%
PA	PA PENGURUSAN KECEKAPAN PENGGUNAAN AIR	13	13%
PD	PENGURUSAN KUALITI PERSEKITARAN DALAMAN (IEQ)	25	26%
IN	INOVASI	6	6%
	JUMLAH	98	100%

Klasifikasi Penarafan

Peratusan (%)	Bintang	Penarafan pH JKR
40 - 49	☆ ☆	Potensi Pengiktirafan
50 - 69	☆ ☆ ☆	Amalan Pengurusan Terbaik
70 - 84	☆ ☆ ☆ ☆	Kecemerlangan Nasional
85 - 100	☆ ☆ ☆ ☆ ☆	Kecemerlangan Global

Skor & Senarai Keperluan Pengesahan KB1a

Setiap markah yang dimohon perlu mendapatkan pengesahan dari pakar yang berkenaan sebelum markah diambil kira.

FL	PENGURUSAN FASILITI LESTARI	Markah	Skop
1	PENARAFAN SEDIADA	1	ALL
2	PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN		
2.1	Pengurusan data dan ruang	1	S
2.2	Pengurusan sistem	1	S
2.3	Pengurusan Prestasi	1	S
3	PENYENGKARAAN MAPAN		
3.1	Ruang Pejabat untuk pasukan penyenggaraan	1	A
3.2	Kontraktor Penyenggaraan	1	S
3.3	Pelan Penyenggaraan	1	S
3.4	Manual Pengguna Bangunan	2	ALL
Jumlah FL		9	
		9 %	

TL	PERANCANGAN & PENGURUSAN TAPAK LESTARI	Markah	Skop
1	PERANCANGAN TAPAK	1	AST
2	PEMELIHARAAN CERUN	1	C&S
3 (m)	PENGURUSAN AIR LARIAN HUJAN	1	C&S
4 (m)	REKABENTUK MESRA ORANG KURANG UPAYA (OKU)	2	A
5	LANDSKAP STRATEGIK		
5.1	Memulihara pokok-pokok yang matang	1	A
5.2	Kawasan hijau dalam pembangunan	1	A
5.3	Penanaman pokok teduhan	1	A
5.4	Pemilihan bahan binaan bumbung (walkway) yang mempunyai daya pantulan haba yang tinggi	1	A
5.5	Sistem turapan berumput (berongga)	1	A, C&S
6	BUMBUNG HIJAU & DINDING HIJAU		
6.1	Indeks Pantulan Suria (SRI) mengikut jenis & kecerunan bumbung	1	A
6.2	Menggalakkan rekabentuk bumbung/dinding hijau.	3	A
7	TEMPAT LETAK KENDERAAN	1	A
Jumlah TL		15	
		15%	

KT	PENGURUSAN KECEKAPAN TENAGA	Markah	Skop
1	KECEKAPAN PENCAHAYAAN		
1.1	Zon Pencahayaan		
	- Zon perimeter dan had 30m ²	1	A,E
	- Zon – Pengesan automatik	1	E
	- Zon – Pengesan pergerakan/penghunian	1	E
1.2	Lighting Power Density (LPD)	1	E
2	ACMV		
2.1	Coefficient of Performance (COP)	1	M
2.2	Green Refrigerant	1	M
3	PENYUSUPAN UDARA	1	A,M
4	TENAGA BOLEH BAHARU	4	E,A
5	INTENSITI TENAGA BANGUNAN	10	A,M,E
6	PAPARAN & KAWALAN		
6.1	Sistem Pengurusan Kawalan Tenaga	1	E
7	PENGURUSAN TENAGA DENGAN CEKAP		
7.1	Sistem Pengurusan Tenaga	5	E

Jumlah KT

27

28%

SB	PENGURUSAN SUMBER DAN BAHAN	Markah	Skop
1	3R – SEMASA OPERASI		
	Penyediaan Pelan Pengurusan Sisa Pepejal	1	AST
	Tong sampah 3R	1	A
	Kebuk sampah besar (20%)	1	A
Jumlah SB		3	
		3%	

PA	PENGURUSAN KECEKAPAN PENGGUNAAN AIR	Markah	Skop
1 (m)	PRODUK KECEKAPAN AIR	1	A
2	PENJIMATAN PENGGUNAAN AIR		
2.1	Dalam Bangunan	2	A
2.2	Luar Bangunan	2	A
3	SISTEM PENJIMATAN AIR HUJAN (SPAHS)	3	C&S
4	KITAR SEMULA AIR SISA	2	C&S
5	SUB-METER AIR	1	M
6	SISTEM PENGESAN KEBOCORAN AIR	1	M
Jumlah PA		13	
		13%	

PD	PENGURUSAN KUALITI PERSEKITARAN DALAMAN (IEQ)	Markah	Skop
1 (m)	LARANGAN MEROKOK	2	A
2	PERANCANGAN RUANG		
2.1	Lebar bangunan yang efektif	1	A
2.2	Susunan ruang pejabat terbuka sepanjang permukaan fasad	1	A
2.3	Dinding sesekat dalaman yang telus cahaya	1	A
2.4	Ketinggian siling yang efektif.	1	A
2.5	Warna cerah di permukaan dinding dan siling.	1	A
3	KUALITI VISUAL		
3.1	Faktor Pencahayaan Siang	2	A
3.2	Penggunaan rak cahaya (<i>light shelves</i>)	1	A
3.3	Kawalan tahap kesilauan	1	A
3.4	Akses visual kepada pandangan di luar	1	A
3.5	Tahap Pencahayaan (bukan semulajadi) Bilik	1	E
4	PRESTASI PENGUDARAAN		
4.1	Memaksimumkan kawasan tanpa keperluan sistem penyaman udara	1	A,M
4.2	Prestasi Kualiti Udara Dalaman : ASHRAE 62.1:2007 & 129	2	A,M
5	KESELESAAN THERMAL		
5.1	Keselesaian Termal : ASHRAE 55	1	M
5.2.1	Kawalan Pencahayaan & Pengudaraan(Pencahayaan)	1	E
5.2.2	Kawalan Pencahayaan & Pengudaraan(Pengudaraan)	1	M
6	KUALITI PERSEKITARAN DALAMAN DIPERTINGKATKAN		
6.1	Kawalan Paras Karbon Dioksida	1	M
7	KESELESAAN AKUSTIK	1	A,M
8	PENCEGAHAN KULAPUK	1	M
9	KAJI SELIDIK KESELESAAN PENGHUNI	2	AST
Jumlah PD		25	
		26%	

IN	INOVASI	Markah	Skop
IN	<i>Inovasi bercirikan kejuruteraan Mekanikal atau Elektrikal</i>	6	ALL
IN1-6	<i>Inovasi terbuka</i>		
Jumlah IN		6	
		6%	
Jumlah keseluruhan		98	
		100%	

Petunjuk

A	Arkitek
C&S	Jurutera Awam & Struktur
M	Jurutera Mekanikal
E	Jurutera Elektrikal
AST	Alam Sekitar & Tenaga
S	Senggara
UB	Kontrak & Ukur Bahan
AP	Agensi Pelanggan



Senarai Istilah dan Takrif

Albedo – Ukuran pemantulan dari permukaan. Kesan albedo ke Bumi adalah ukuran berapa banyak tenaga Matahari akan dipantulkan semula ke angkasa lepas. Secara keseluruhan, albedo Bumi mempunyai kesan yang menyejukkan. (*Albedo* berasal dari bahasa Latin untuk 'keputihan').

ARI – *Average Recurrence Interval*, tempoh masa purata atau dijangka antara tahap kepekatan jumlah hujan terkumpul diberikan dalam tempoh yang diberikan.

BIM - (*Building Information Modelling*) proses merekabentuk bangunan secara keseluruhan dengan menggunakan satu sistem yang koheren di mana satu model komputer yang sama mampu menghasilkan set lukisan berasingan.

Commissioning (Cx) - proses mengesahkan bahawa sistem bangunan beroperasi seperti yang sepatutnya dan mengikut keperluan pemilik seperti yang dinyatakan dalam dokumen-dokumen projek. Pentauliahan membantu mengisi jurang antara pasukan rekabentuk, dan perunding yang biasanya tidak dipertanggungjawabkan untuk menyemak butir-butir kecil pembinaan, dan subkontraktor sebagai contoh; tidak teliti apabila menetapkan kuasa kipas atau lokasi sensor.

Demand Limiting Program - Kebolehan untuk mengehadkan penggunaan tenaga dan kawalan kapasiti. Ianya mengurangkan penggunaan maksimum dalam keadaan permintaan yang terhad, sekali gus mengurangkan penggunaan elektrik sepenuhnya tanpa mematikan alat tersebut.

Design Return Period - Anggaran kemungkinan sesuatu ribut, banjir atau aliran pelepasan sungai berlaku. Ia adalah ukuran statistik biasanya berdasarkan data bersejarah menandakan selang berulang purata tempoh masa yang panjang, dan biasanya digunakan untuk analisis risiko.

Embodied Energy - adalah jumlah semua tenaga yang diperlukan untuk menghasilkan apa-apa barang atau perkhidmatan, jika dianggap sebagai tenaga yang diperbadankan atau 'terkandung' dalam produk itu sendiri. Konsep ini boleh berguna dalam menentukan keberkesanan peranti yang menghasilkan tenaga atau penjimatan tenaga, atau kos "sebenar" penggantian sesuatu bangunan, dan, kerana tenaga input biasanya melibatkan pelepasan gas rumah hijau, dalam memutuskan sama ada produk yang menyumbang kepada atau mengurangkan pemanasan global.

Feed-in-tariff (FIT) - kadar tarif khas yang TNB akan membeli elektrik daripada pemilik PV Suria. Kadar FIT untuk 2013 adalah sekitar 4x TNB kadar Tarif kediaman, ini bermakna TNB membeli pada kadar tarif 4x berbanding dengan kadar tarif yang mereka jual. FIT adalah mentadbir oleh Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA).

Foliage - merujuk kepada himpunan daun dapa pokok yang memberikan saiz pokok dan keluasan teduhan.

Heat Island - kawasan atau permukaan dengan binaan yang mempunyai suhu purata yang lebih tinggi daripada persekitaran luar bandar kerana penyerapan yang lebih besar, penyimpanan, dan penjaan haba oleh bangunan-bangunan, laluan pejalan kaki, dan aktiviti-aktiviti manusia.

Illuminance - jumlah luminous flux atau tahap pencahayaan yang sampai kepada sesuatu permukaan.

Kadar ketelapan air / imperviousness - kesan gabungan bahagian permukaan telap dibina di kawasan tadahan, dan 'sambungan' ini permukaan telap untuk menerima air.

KSAS - "*Environmentally Sensitive Areas*", Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) adalah merupakan kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan dan perlu dipelihara untuk nilai warisannya, memelihara nilai sokongan hidupnya dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah.

Lestari, Mampan & Mapan – Ketiga-tiga perkataan ini sering digunakan dengan tidak tepat. *Lestari* bermaksud tetap, kekal atau tidak berubah. Ini tidak sesuai penggunaannya untuk mentafsirkan perkataan *sustainable* yang lebih tepat bermaksud *mampan*. Lestari memberi erti perkembangan berterusan atau mencapai prestasi yang bertambah baik. Mapan pula bererti mantap, kukuh dan stabil. Walaubagaimanapun, Lestari telah dipilih untuk digunakan sebagai istilah bagi mentafsir *sustainability* di dalam polisi kerajaan.

LEV - *Low Emitting Vehicle*, kenderaan jenis rendah pelepasan carbon. Cth: *hybrid*

Orientasi bangunan – juga, Fasad panjang/ utama, adalah tampak utama bangunan dengan pintu masuk utama dan kedudukan bangunan berdasarkan paksi Utara.

OTTV - satu aspek penjimatan tenaga melalui penebatan haba pada fasad bangunan.

Post-Consumer - bahan dikitar semula daripada bahan buangan konsumen.

Pre-Consumer - bahan dikitar semula semasa dalam masih dalam pembuatan dan belum sampai kepada konsumen.

RTTV - seperti OTTV, ia adalah satu aspek penjimatan tenaga melalui penebatan haba tetapi pada bumbung kebiasaannya meneliti prestasi bumbung yang berkaca.

Sequestering (carbon) - proses memerangkap karbon dan jangka masa penyimpanan CO₂ dalam atmosfera.

Shading Coefficient - (pekali hadangan) ukuran jumlah penembusan haba melalui kaca (dikenali sebagai jumlah pemindahan haba solar) dibandingkan dengan prestasi kaca tunggal telus cahaya.

Simulasi Ketidak Upayaan - "*Simulation of Mobility Impairment*" adalah kajian yang menggunakan kerusi roda untuk mengenalpasti kebolehan upaya orang berkerusi roda menggunakan fasiliti.

Solar Heat Gain - merujuk kepada peningkatan suhu di dalam ruang, objek atau struktur yang terhasil daripada radiasi solar. Jumlah kenaikan solar meningkat dengan kekuatan cahaya matahari, dan dengan kemampuan mana-mana bahan yang berselang untuk menghantar atau menentang radiasi.

Solar Heat Gain Coefficient (SHGC) - sebahagian kecil daripada radiasi solar kejadian yang benar-benar memasuki bangunan melalui pemasangan tingkap keseluruhan sebagai haba. Diperoleh dari *Shading coefficient* (SC) dengan mendarab 0.87.

Total Connected Load (TCL)- beban mekanikal dan elektrik (dalam kW) yang akan disambung (atau digunakan) bagi kawasan tersebut. Berbeza dengan "Maksimum Demand" Permintaan yang maksimum (MD) adalah jumlah kW yang sebenarnya menyumbang jumlah kuasa yang digunakan dalam satu masa selepas menggunakan faktor kepelbagaian (*Diversity Factor*) berdasarkan Jumlah Beban yang disambungkan.

U-value - ukuran kehilangan haba. Ia dinyatakan dalam W/m²K, dan menunjukkan jumlah haba yang hilang dalam watt (W) bagi setiap meter persegi bahan (contohnya dinding, bumbung, lantai dan lain-lain). Ia juga boleh dirujuk sebagai 'keseluruhan pemindahan haba bersama cekap dan langkah-langkah bagaimana bahagian haba pemindahan bangunan. Ini bermakna bahawa semakin tinggi U-Value yang lebih buruk prestasi haba sampul surat bangunan. U-Value rendah biasanya menunjukkan tahap penambat. Mereka adalah berguna kerana ia adalah satu cara meramalkan kelakuan komposit elemen bangunan keseluruhan dan bukannya bergantung kepada sifat bahan individu.

Visible Light Transmission (VLT) - juga Tvis, jumlah cahaya di bahagian dilihat spektrum yang melalui bahan kaca. VLT lebih tinggi bermakna terdapat lebih cahaya dalam ruang.

Work plane - paras permukaan kerja dari sesuatu paras asas (origin). Biasanya diambil sebagai 900mm atau 3kaki dari paras lantai.

Senarai Singkatan yang digunakan di dalam dokumen ini

Terdapat sebilangan istilah yang disingkatkan untuk memudahkan penulisan dokumen ini. Ini juga berdasarkan kebiasaan industri .

A	Arkitek, Cawangan Arkitek atau professional dalam bidang ini.
AST	Cawangan Alam Sekitar dan Teknologi atau professional dalam bidang ini.
BEMS	<i>Building Energy Management System</i> , (MS1525:2014 EMS)
BIM	<i>Building Information Modeling</i>
BMP	<i>Best Management Practice</i>
C	"Client", Klien, Pengguna atau Pemilik.
C&S	Jurutera Sivil dan Struktur, Cawangan ASJ atau professional dalam bidang ini.
CAI	Pengiraan kaedah rasional (<i>coefficient, area dan intensity</i>)
CWM	<i>Construction waste management</i>
DF	<i>Daylight Factor</i> , Faktor Pencahayaan Siang
E	Jurutera Elektrikal, Cawangan Kejuruteraan Elektrikal atau professional dalam bidang ini.
GEN	<i>Global Ecolabeling Network</i>
IBS	<i>Industrial Building System</i>
Low-E	<i>Low Emissivity</i>
M	Jurutera Mekanikal, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal atau professional dalam bidang ini.
MC	"Main Contractor", Kontraktor Utama, atau lain-lain dalam bidang ini termasuk <i>Sub-contractor</i> .
OKU	Orang Kurang Upaya
OTTV	<i>Overall thermal transfer value</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RTTV	<i>Roof thermal transfer value</i>
RWDP	<i>Rainwater downpipe</i>
RWH	<i>Rainwater Harvesting</i>
S	Cawangan Kejuruteraan Senggara atau professional dalam bidang ini.
SC	<i>Shading Coefficient</i>
SHGC	<i>Solar Heat Gain Coefficient</i>
SPAH	Sistem Penuaian Air Hujan, lihat RWH
TSS	<i>Total suspended solids</i>
UB	Juruukur Bahan, Cawangan Ukur Bahan atau professional dalam bidang ini.
UUK	Undang-undang Kecil Bangunan (<i>Uniform Building Bye-Laws</i>)
UPF	Unit Pengurusan Fasilitas
VLT	<i>Visible Light Transmission</i>
VOC	<i>Volatile Organic Compound</i>

PENGURUSAN FASILITI LESTARI

Pengurusan Fasiliti Lestari dalam konteks ini dibahagikan kepada 3 iaitu penarafan sediada, penyenggaraan lestari dan pengurusan fasiliti sesuatu bangunan tersebut.



MARKAH BERKAITAN

- KB1

MANFAAT

- Menjajarkan strategi kawalan bangunan dengan penarafan sedia ada

MATLAMAT

Memberi pengiktirafan kepada bangunan sedia ada yang telah diberi penarafan hijau dan ~~atau~~ mempunyai Laporan Audit Kecekapan Tenaga yang terkini.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- **1 markah** : Sekiranya bangunan sedia ada telah mendapat pengiktirafan hijau dan ~~atau~~ mengemukakan Laporan Audit Kecekapan Tenaga ~~dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh tamat sahlaku.~~

PENDEKATAN & STRATEGI

Mengekalkan penarafan hijau sedia ada sepanjang jangka hayat bangunan secara lestari.

Memastikan keperluan kecekapan tenaga bangunan dilaksanakan secara berterusan melalui pelaksanaan audit tenaga tahunan.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Sijil Penarafan Hijau yang masih dalam tempoh sahlaku ~~tidak melebihi 12 bulan dari tarikh tamat sahlaku.~~
- Laporan Audit Tenaga yang masih dalam tempoh 24 bulan dari tarikh laporan dikeluarkan.

CONTOH PENGEMUKAAN

- Sijil Penarafan hijau yang diiktiraf seperti GBI, LEEDS, MyCREST atau lain-lain.
- Laporan Audit Tenaga yang disediakan oleh Pasukan Audit Tenaga JKR atau lain-lain badan yang berkecuali.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan karbon untuk markah ini secara terus.

PENGIRAAN

Tiada Pengiraan diperlukan untuk markah ini.

RUJUKAN

Rujukan yang berkaitan

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



FL 2 PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN

2.1 Pengurusan Data dan Ruang

1 MARKAH

MATLAMAT

Memastikan sistem pengurusan fasiliti bangunan disediakan dan mematuhi keperluan spesifikasi di dalam Kontrak Pengurusan Fasiliti JKR

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah : Menyedia dan melaksanakan pendaftaran aset bagi Pengurusan Data dan Ruang mengikut keperluan SKATA

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan penyediaan dan pelaksanaan pengurusan fasiliti mengikut Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) ,Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan penggunaan perisian/sistem yang bersesuaian.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Cetakan template untuk setiap pengurusan data dan ruang
- Pendaftaran di MySPATA
- Demonstrasi sistem pengurusan fasiliti bangunan yang disediakan

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan karbon untuk kriteria ini secara terus.

PENGIRAAN

Tiada Pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

RUJUKAN

- Spesifikasi Teknikal Kontrak Pengurusan Fasiliti
- Sistem Kod Aset Tak Alih Kerajaan (SKATA)
- Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

- Pelan Penyenggaraan

MANFAAT

- Penyimpanan data dan maklumat bangunan yang lebih efisien dan berkesan



MATLAMAT

Memastikan sistem pengurusan fasiliti bangunan disediakan dan mematuhi keperluan spesifikasi di dalam Kontrak Pengurusan Fasiliti JKR

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah: Menyedia dan menggunakan perisian senggaraan yang bersesuaian
Contoh : *Computerized Maintenance Management System - CMMS*

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan penyediaan dan pelaksanaan pengurusan fasiliti mengikut Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) ,Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan penggunaan perisian/sistem yang bersesuaian.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Salinan printout daripada sistem (contoh: CMMS)
- Demonstrasi sistem pengurusan fasiliti bangunan yang disediakan

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan karbon untuk kriteria ini secara terus.

PENGIRAAN

Tiada Pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

RUJUKAN

- i. Spesifikasi Teknikal Kontrak Pengurusan Fasiliti
- ii. Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

- Pelan Penyenggaraan

MANFAAT

- Meningkatkan kawalan prestasi penyenggaraan
- Pemantauan pelaksanaan penyenggaraan yang lebih komprehensif



MATLAMAT

Memastikan sistem pengurusan fasiliti bangunan disediakan dan mematuhi keperluan spesifikasi di dalam Kontrak Pengurusan Fasiliti JKR

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah : Menyedia, melaksanakan dan memantau pengawalan prestasi Penyenggaraan

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan penyediaan dan pelaksanaan pengurusan fasiliti mengikut Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) ,Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan penggunaan perisian/sistem yang bersesuaian.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Senarai petunjuk prestasi utama di dalam kontrak
- Laporan prestasi bulanan

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan karbon untuk kriteria ini secara terus.

PENGIRAAN

Tiada Pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

RUJUKAN

- iii. Spesifikasi Teknikal Kontrak Pengurusan Fasiliti
- iv. Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

- Tiada

MANFAAT

- Meningkatkan kepuasan pelanggan
- Kawalan prestasi penyenggaraan yang lebih komprehensif



FL 3 PENYENGGARAAN MAPAN

3.1 Ruang pejabat untuk pasukan penyenggaraan

1 Markah

MATLAMAT

Menempatkan ruang pejabat penyenggaraan yang khusus di tempat yang sesuai.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah: Menyediakan dua (2) ruang pejabat penyenggaraan

PENDEKATAN & STRATEGI

Ruang yang mudah diakses dengan keluasan yang sesuai mengikut bilangan ahli pasukan penyenggaraan yang diperlukan seperti berikut:

- Satu (1) ruang untuk kontraktor *Facility Management* (FM)
- Satu (1) ruang untuk Unit Pengurusan Fasiliti (UPF)

Lokasi ruang pejabat tersebut perlu mengambilkira kesesuaian dan tidak mengganggu ruang pejabat lain dan bukan ditempat yang tersorok. Kedudukan bilik ini adalah penting bagi memudahkan pasukan penyenggaraan melakukan rondaan, penyenggaraan dan baik pulih. Bilik ini boleh juga dijadikan bilik operasi bomba sekiranya berlaku sebarang kecemasan kerana semua data bangunan akan diletakkan di dalam bilik ini.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Lukisan Siap Bina
- Bukti bergambar

MARKAH BERKAITAN


- Kontraktor Penyenggaraan
- Pelan Penyenggaraan

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan jejak karbon

CONTOH PENGEMUKAAN

Rajah 2 : Contoh Bilik Penyenggaraan



POTENSI PENGURANGAN KARBON

Penyenggaraan sempurna mampu memastikan operasi optima dan penggunaan tenaga yang berkesan.

RUJUKAN

- o Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

FL 3 PENYENGGARAAN MAPAN

3.2 Kontraktor penyenggaraan

1 Markah

MATLAMAT

Memastikan pemilik bangunan melantik kontraktor penyenggaraan yang kompeten untuk mengekalkan/menambahbaik prestasi bangunan.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah: Pemilik bangunan melantik pasukan penyenggaraan/pengurusan fasiliti yang kompeten.

PENDEKATAN & STRATEGI

Pemilik bangunan melantik kontraktor penyenggaraan yang mempunyai pengalaman projek yang mempunyai pensijilan yang berkaitan.

Pemilik bangunan meletakkan salah satu kriteria berikut sebagai syarat lantikan kontraktor penyenggaraan:

- i. Memiliki pensijilan kompetensi mesra alam yang berkaitan.
Contoh : MS ISO14001, MS ISO50001 dan sebagainya.
- ii. Kompetensi dan/atau pengalaman menyenggara bangunan secara mesra alam.
- iii. Mempunyai pengalaman menyenggara bangunan yang mendapat penarafan hijau.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Tiada contoh untuk kriteria ini.

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Penyenggaraan sempurna mampu memastikan operasi optima dan penggunaan tenaga yang berkesan.

RUJUKAN

- i. Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

- Ruang pejabat untuk pasukan penyenggaraan
- Pelan Penyenggaraan

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan jejak karbon



FL 3 PENYENGGARAAN MAPAN

3.3 Pelan Penyenggaraan

1 Markah

MATLAMAT

Memastikan amalan terbaik budaya penyenggaraan dilakukan sepenuhnya mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan bagi mengoptimumkan nilai faedah aset.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Sedia dan laksanakan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) – PSPA(O) untuk tempoh 3-5 tahun atau mengikut tempoh kontrak.

PENDEKATAN & STRATEGI

Penyediaan PSPA(O) yang merangkumi Pelan Penerimaan Aset (PTRA) –Pelan Operasi Penyenggaraan Aset (POPA), Pelan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset (PNPA), Pelan Pemulihan/ Ubah suai/ Naik taraf aset (PPUN) dan Pelan Pelupusan Aset (PLA) adalah diperlukan. Pelan-pelan ini disediakan oleh Pasukan penyenggaraan/pengurusan fasiliti yang dilantik oleh pemilik bangunan. Ianya perlu bagi merekod segala dokumen penyenggaraan bagi tujuan rujukan.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Rangka Pelan-pelan (PTRA, POPA, PNPA, PPUN dan PLA) yang diperlukan
- Dokumen kontrak pengurusan fasiliti

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan untuk kriteria ini secara terus.

RUJUKAN

1. Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan
2. Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

-Ruang pejabat untuk pasukan penyenggaraan
-Kontraktor Penyenggaraan

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan jejak karbon



FL 3 PENYENGGARAAN MAPAN

3.4 Manual Pengguna Bangunan

2 Markah

MATLAMAT

Untuk memberi maklumat, tatacara penggunaan, kemudahan menyenggara kepada pengguna bangunan (*end user*).

KEPERLUAN PEMARKAHAN

2 markah: Manual pengguna bangunan untuk kemudahan – kemudahan yang disediakan direkod dan di simpan di tempat yang sewajarnya sebagai dokumen yang mudah dilihat dan dirujuk.

PENDEKATAN & STRATEGI

Menyimpan dan mengemaskini dokumen daftar rekod manual pengguna bangunan seperti yang terkandung dalam Sistem Pengurusan Kualiti JKR.

- Latihan untuk kakitangan dan penyimpanan rekod selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti JKR.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

Manual Operasi dan Penyenggaraan
Latihan Penggunaan sistem kepada pemilik bangunan
Lukisan Siap Bina
Kad Pendaftaran Aset Tak Alih & Laporan Daftar Aset Khusus
Pelan kedudukan kunci
Sijil *Testing & Commissioning*
Sijil Jaminan (jika berkenaan)

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan untuk kriteria ini secara terus.

RUJUKAN

- o Sistem Pengurusan Kualiti JKR.
- o Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan
- o Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu

MARKAH BERKAITAN

- KT 11 – Pengujian dan Pentauliahan
- KT12.3 – Pelan Penyenggaraan
- SB 2 – Produk Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan bahan mentah
- Mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil
- Menghasilkan tenaga
- Mengurangkan penggunaan air
- Mengurangkan pelepasan toksik ke udara
- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan pencemaran air
- Mengurangkan sisa pepejal
- Memulihara habitat
- Mewujudkan habitat
- Mengurangkan jejak karbon



Kebanyakan tapak projek kerajaan telah dikenalpasti terlebih dahulu. Maka kebebasan pemilihan adalah agak terhad. Namun, tapak yang telah dikenalpasti masih perlu diurus dan dibangunkan secara lestari supaya meminimalkan impak terhadap alam sekitar. Kerja tanah, kawalan kelodak dan pengurusan air larian hujan perlu di jalankan secara lestari. Pemulihan dan Pemeliharaan alam sekitar juga perlu diberi perhatian.

MATLAMAT

Memelihara kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan kritikal dari segi pembekalan sumber-sumber asas, perkhidmatan dan sistem sokongan hidup seperti penulenan air, kawalan haiwan perosak, kawalan hakisan tanah dan menampung sumber kekayaan biodiversiti negara.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Mengekalkan pembangunan di luar Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

PENDEKATAN & STRATEGI

KSAS adalah suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada pembangunan dan perlu dipelihara untuk nilai warisannya, memulihara nilai sokongan hidupnya serta meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah. Jika pembangunan dibenarkan ia akan memberi impak yang besar dari segi alam sekitar dan perubahan cuaca.

KSAS boleh disemak dengan merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Rancangan Struktur (RS) yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) atau Rancangan Tempatan (RT) yang diterbitkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, akta yang diguna pakai adalah seperti yang terkandung dalam Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) dan National Resources Environment Board (NREB) Sarawak.

Contoh-contoh KSAS adalah seperti berikut:

- Tanah tinggi (rujuk tafsiran berdasarkan Pihak Berkuasa Melulus)
- Rizab hidupan liar
- Warisan semulajadi dan antikuiti
- Hutan simpan kekal
- Tadahan air dan air tanah
- Dataran banjir, tanah lembap, bekas lombong, tasik dan sungai
- Pertanian makanan
- Simpanan mineral dan bencana geologi
- Persisiran pantai dan pinggir laut
- Tapak pelupusan sisa pepejal dan toksik
- Hutan paya bakau

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Pelan lokasi tapak dan gambar lokasi terkini

CONTOH PENGEMUKAAN

Pada peringkat terawal, pastikan keperluan untuk tapak sensitif dikenal pasti.


MARKAH BERKAITAN

- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan pencemaran air
- Memulihara habitat
- Mewujudkan habitat
- Mengurangkan jejak karbon

Rajah 3 : GIS dari PBT menunjukkan tiada kawasan sensitif



POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan untuk kriteria ini secara terus.

RUJUKAN

- Rancangan Fizikal Negara (2010) oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Rancangan Struktur (RS).
- Rancangan Tempatan (RT).
- Garis Panduan Perancangan – Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

ISTILAH & MAKSUD

- **KSAS** - "Environmentally Sensitive Areas", Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) adalah merupakan kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan dan perlu dipulihara untuk nilai warisannya, memelihara nilai sokongan hidupnya dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah.
- **RS** - Rancangan Struktur adalah merupakan suatu pernyataan bertulis yang menerangkan dasar dan cadangan-cadangan strategik negeri berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan bandar dan desa yang dikeluarkan oleh JPBD Negeri.
- **RT** - Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen rasmi yang mentafsirkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur (RS) kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal. RT disediakan bagi kawasan-kawasan yang dikenalpasti di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia merupakan pelan terperinci yang menterjemahkan polisi-polisi dan cadangan-cadangan am yang terkandung dalam RS.



MARKAH BERKAITAN

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan pencemaran air
- Memulihara habitat
- Mengurangkan jejak karbon

MATLAMAT

Mengekalkan kestabilan dan mengurangkan hakisan cerun sediaada.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Menjalankan kerja – kerja senggara cerun secara berterusan merujuk kepada *Guideline Of Slope Maintenance, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR*

PENDEKATAN & STRATEGI

Cerun tersebut hendaklah dikekalkan kestabilannya dengan membuat pemantauan dan penyenggaraan yang berkala merujuk kepada ***Guideline Of Slope Maintenance, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR***.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bukti bergambar
- Laporan Penyelenggaraan Cerun

CONTOH PENGEMUKAAN

Contoh laporan penyelenggaraan cerun JKR. (Rujuk guideline maintenance CKC)

CERUN 1 – Guidelines on Slope Maintenance in Malaysia

RECORD OF ROUTINE MAINTENANCE INSPECTION				SHEET 1 OF 4	
Rekod Pemeriksaan Rutin Untuk Penyelenggaraan Cerun					
SLOPE / RETAINING STRUCTURE REFERENCE NO.					
No.Rujukan Cerun / Struktur Penahan					
Date of Inspection:					
Tarikh pemeriksaan:					
Date of Last Engineer Inspection for Maintenance:					
Tarikh pemeriksaan terakhir oleh Jurutera:					
Due Date of Next Engineer Inspection for Maintenance:					
Tarikh kerja Penyelenggaraan seterusnya oleh Jurutera:					
Weather Condition at Time of Inspection:					
Keadaan cuaca semasa pemeriksaan:					
Map Coordinates:				Date of Construction:	
Koordinates Peta:				Tarikh Pembinaan:	
Easting:		Northing:			
Timur:		Utara:			
Maintenance Action Item		Location Reference	Action Required		Works Completion
Perkara untuk Tindakan Penyelenggaraan		Rujukan Lokasi	Tindakan yang Diperlukan		Tarikh Kerja Disiapkan
			No Yes		Tidak Ya
Clear drainage channels of accumulated debris					
Membersihkan saluran perparitan dari sampah sarap yang terkumpul					
Repair cracked/damaged drainage channels or pavements along crest and toe of slope or retaining structure					
Membaiki saluran perparitan atau penutup jalan di sepanjang puncak dan kaki cerun atau tombok penahan yang mengalami retakan/rosak					
Repair or replace cracked or damaged impermeable slope surface cover					
Membaiki atau menggantikan tutupan cerun tidak telap air yang telah merekah atau rosak					
Remove surface debris and vegetation that has caused severe cracking of slope surface cover and drainage channels					
Membuang sampah permukaan dan tumbuhan yang telah menyebabkan retakan serius pada permukaan cerun dan perparitan					

POTENSI PENGURANGAN KARBON

-

RUJUKAN

- o Guideline Of Slope Maintenance, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.

TL 3(m) PENGURUSAN AIR LARIAN HUJAN

Pengurusan Kuantiti Air Larian Hujan
MANDATORI dan bermarkah
1 Markah

MATLAMAT

Mengekalkan pengurusan air larian hujan (*stormwater*) agar kuantiti air dari kawasan pembangunan (Q_{post}) sama atau kurang sebelum pembangunan (Q_{pre}) serta mengambil kira kualiti air.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah: Memastikan sistem peparitan dan pengurusan air larian hujan disenggara dengan baik.

PENDEKATAN & STRATEGI

Pemeriksaan berkala terhadap sistem peparitan, kolam takungan, on site detention (OSD) dan perangkap sampah bagi mengelakkan sebarang halangan kepada aliran. Sistem peparitan yang tidak sempurna boleh menyebabkan banjir kilat dan ketidakselesaian kepada pengguna,

PENGIRAAN

Berdasarkan ketetapan pengiraan C&S.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Laporan penyenggaraan sistem peparitan
- Bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

Lampirkan pengiraan Air Larian Hujan di dalam laporan seperti yang diperlukan oleh MSMA.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

-

RUJUKAN

- MSMA 2011 (2nd Edition)
- Keperluan Pihak Berkuasa Tempatan

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



MARKAH BERKAITAN

- TL7 – Landskap strategik
- TL8 – Bumbung Hijau & dinding Hijau
- PA2 – SPAH
- PA4 – Penjimatan penggunaan air

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan air
- Mengurangkan pencemaran air

MATLAMAT

Mengekalkan kemudahan dan rekabentuk keperluan Orang Kurang Upaya (OKU).

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah : MANDATORI

Mengekalkan kemudahan mesra OKU berdasarkan semua keperluan perundangan dan piawaian namun tidak terhad kepada yang berikut:

- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 **DAN**
- MS1183: Part 8 : 1990 (P) Code of practice for precautions in the design and construction of buildings: Part 8: Code of practice for means of escape for disabled people. **DAN**
- MS 1184: 2014 Universal Design and Accessibility in the Built Environment (Code of practice) **DAN**
- MS 1331 : 1993 Code of practice for access of disabled people outside buildings **DAN**
- Garis Panduan Penyediaan Kemudahan /Keperluan Minimum Untuk Orang Kurang Upaya di Projek-Projek Bangunan Yang Dilaksanakan oleh JKR, Cawangan Arkitek, IPJKR Oktober 2006 (JKR 20802-0007-2006) **DAN**
- Planning, Guidelines 7 Standard: Facilities of the Disabled, town & Country Planning Department, Ministry of Housing & Local Government Malaysia (JPBD 1/2000) 200.2 **DAN**
- Akta Orang Kurang Upaya 2008

- 1 Markah :** Menjalankan Audit Akses OKU bagi pematuhan OKU berdasarkan Garis panduan yang digunapakai iaitu MS 1184: Universal Design and Accessibility in the Built Environment)

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan kemudahan rekabentuk OKU berfungsi dengan baik.

PENGIRAAN

-



MARKAH BERKAITAN

- TL7 – Landskap Strategik.

MANFAAT

- Menambahbaik akses dan mobiliti.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Laporan Audit Akses OKU
- Bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN


Menanda semua pematuhan pada pelan dan menyertakan lukisan perincian dan gambar (jika ada).

Rajah 4: Contoh pematuhan OKU

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
12. Tandas  Kemudahan tandas untuk pengguna kerusi roda	a) Tandas untuk pengguna kerusi roda/OKU hendaklah disediakan di semua bangunan awam dan komersial, kawasan rekreasi, tempat tumpuan awam dan terminal pengangkutan awam. b) Bilangan dan reka bentuk tandas hendaklah mengikut Klausa 16, 17, 18, 19, 20, 22 dan 26 MS 1184:2002 [Klausa 18.13, MS 1331:2003] dan MS 2015: Part 1: 2006. c) Bilangan minimum tandas yang perlu dilengkapi dengan kemudahan untuk pengguna kerusi roda adalah 1 bagi setiap 10 tandas biasa [Klausa 5.5, MS 2015: Part 1: 2006] dimana saiz minimum tandas adalah 2000 mm x 2400 mm. Saiz minimum tandas untuk selain daripada pengguna kerusi roda adalah 1200 mm x 2400 mm dilengkapi dengan <i>grab bar</i>. d) Simbol tandas lelaki/perempuan hendaklah timbul (embossed) atau bertulisan <i>braille</i> untuk panduan kepada orang kurang upaya penglihatan [Klausa 28.7, MS 1184:2002].

sumber: MudahOKU

Rajah 5: Contoh dokumentasi pematuhan OKU



POTENSI PENGURANGAN KARBON

-

RUJUKAN

- o Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- o MS1183: Part 8 : 1990 (P), MS 1184: 2014 dan MS 1331 : 1993.
- o Garis Panduan Penyediaan Kemudahan /Keperluan Minimum Untuk Orang Kurang Upaya di Projek-Projek Bangunan Yang Dilaksanakan oleh JKR, Cawangan Arkitek, IPJKR Oktober 2006 (JKR 20802-0007-2006).
- o *Planning, Guidelines 7 Standard: Facilities of the Disabled, Town & Country Planning Department, Ministry of Housing & Local Government Malaysia (JPBD 1/2000) 2002.*
- o Akta Orang Kurang Upaya 2008

ISTILAH & MAKSUD

- o **Audit Akses**—penilaian ke atas kemudahan OKU dan kebolehgunaannya.

TL5 LANDSKAP STRATEGIK

5.1 Memelihara pokok yang matang.

2 MARKAH / N.A.

MATLAMAT

Memastikan pokok-pokok matang di tapak dikekalkan

KEPERLUAN PEMARKAHAN


1 markah : Mengekalkan pokok yang berukuran $\geq 800\text{mm}$ mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); Bahagian 5A.

1 markah : Memelihara dan menyenggara pokok matang dengan baik

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan pokok matang di kawasan tapak masih dikekalkan kecuali atas faktor keselamatan.

Rajah 6: Tindakan memotong pokok mengakibatkan pemanasan suhu permukaan



PENGIRAAN

-

MARKAH BERKAITAN

- TL1 – Perancangan Tapak
- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- TL3 – Kerja Tanah Lestari
- TL4 – Kawalan Hakisan dan Kelodak
- TL8 – Bumbung dan Dinding Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan jejak buatan manusia.
- Mengurangkan kos kerja-kerja awalan.
- Mengekalkan habitat.


TL

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Inventori Data Pokok dan Pelan lokasi pokok matang.
- Bukti bergambar – pokok tidak ditebang dan disenggara dengan baik.

CONTOH PENGEMUKAAN

Rajah 7 Pelan Lokasi pokok matang dan gambar



POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tinjauan pada peringkat ini mampu digunapakai untuk mewujudkan penanda asas (*baseline*) untuk pengiraan karbon.

RUJUKAN

- o Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.
- o Dasar Landskap Negara (Edisi Terkini)

ISTILAH& MAKSUD

- Tiada istilah baharu.

MATLAMAT

Memastikan kawasan hijau yang mencukupi bagi mengurangkan kesan *Urban Heat Island* dan menjamin kadar penyerapan air yang efektif.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Mengekalkan atau menambahbaik kawasan hijau $\geq 30\%$ daripada keluasan keseluruhan kawasan pembangunan.

1 markah : Menyenggara kawasan hijau sediaada dalam keadaan baik.

PENDEKATAN & STRATEGI

Memaksimumkan kawasan hijau di dalam tapak pembangunan (tidak termasuk bumbung hijau dan kawasan berturap)

PENGIRAAN

Kawasan hijau / kawasan keseluruhan $\times 100 =$ Peratus Kawasan Hijau

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Pengiraan Kawasan Hijau dan bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

-

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Fotosintesis secara semulajadi menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen. Karbon dioksida boleh disingkirkan bagi setiap meter persegi permukaan daun setiap tahun.

RUJUKAN

- o Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.
- o Dasar Landskap Negara (Edisi Terkini)
- o Garis Panduan Landskap Negara (Edisi Terkini)

ISTILAH& MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



MARKAH BERKAITAN

- TL1 – Perancangan Tapak
- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- TL3 – Kerja Tanah Lestari
- TL4 – Kawalan Hakisan dan Kelodak
- TL8 – Bumbung dan Dinding Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan jejak buatan manusia.
- Mengurangkan kos kerja-kerja awalan.
- Mengekalkan habitat.

MATLAMAT

Mengurangkan suhu persekitaran bangunan secara tidak langsung menyumbang kepada pengurangan beban penyejukan di dalam bangunan.
Melindungi bangunan daripada pancaran terus cahaya matahari.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah: Mengekalkan 25% teduhan menggunakan pokok teduhan daripada jumlah keseluruhan kawasan berturap. Teduhan diukur daripada purata jumlah kawasan teduhan yang diambil pada dua masa berbeza (10 pagi dan 3 petang)

PENDEKATAN & STRATEGI

Mengekalkan pokok teduhan dengan *canopy* yang besar, diukur pada anggaran pokok matang.

PENGIRAAN

Rumus 1 jumlah teduhan

$$\text{Kawasan teduhan} = \frac{(\text{Jumlah bayang jam 10} + \text{jam 3})}{2} \\ (\text{Jumlah keluasan tapak} - \text{jejak tapak bangunan})$$

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Fotosintesis tumbuh-tumbuhan secara semulajadi menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen. Berdasarkan anggaran sedia ada, sekurang-kurangnya 300g (10 oz) karbon dioksida boleh disingkirkan bagi setiap meter persegi permukaan daun setiap tahun.

RUJUKAN

- o Garis Panduan Landskap Negara 2008, Jabatan Landskap Negara.
- o Panduan Penanaman Pokok Teduhan, Jabatan Landskap Negara.

ISTILAH& MAKSUD

- o **Heat Island** - kawasan atau permukaan dengan binaan yang mempunyai suhu purata yang lebih tinggi daripada persekitaran luar bandar kerana penyerapan yang lebih besar, penyimpanan, dan penjanaan haba oleh bangunan-bangunan, laluan pejalan kaki, dan aktiviti-aktiviti manusia.
- o **Trellis** - junjung atau binaan *lattice* untuk tumbuhan menjalar. Boleh juga digunakan sebagai tempat separa teduhan.



MARKAH BERKAITAN

- TL1 – Perancangan Tapak
- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- TL3 – Kerja Tanah Lestari
- TL4 – Kawalan Hakisan dan Kelodak TL9 – Bumbung dan Dinding Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan jejak buatan manusia.
- Mengurangkan kos kerja-kerja awalan.
- Mengekalkan habitat.

TL 5 LANDSKAP STRATEGIK

5.4 Pemilihan bahan binaan bumbung (walkway) yang mempunyai daya pantulan haba yang tinggi.

1 MARKAH

MATLAMAT

Mengurangkan suhu persekitaran bangunan dan mengurangkan kesan *Heat Island Effect*.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan penggunaan bahan binaan bumbung yang mempunyai indeks pantulan suria minima SRI29.

PENDEKATAN & STRATEGI

Mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dimana SRI dikira berdasarkan nilai *Reflectance* yang diperoleh daripada pembekal.

Reflectance adalah sebahagian kecil daripada kuasa elektromagnet dilihat dari sampel tertentu, manakala pemantulan (*Reflection*) adalah ciri-ciri bahan itu sendiri, yang akan diukur pada mesin khusus.

SRI juga mengambil kira faktor "*Emissivity*" bahan tersebut. Secara lazimnya, lebih berkilat sesuatu bahan, lebih rendah kadar *emissivity*.

Jadual 1: SRI bahan

Bahan	<i>Emissivity</i>	<i>Reflectance</i>	SRI
Konkrit baharu	0.9	0.35	35
Konkrit lama	0.9	0.2	19
Konkrit putih baharu	0.9	0.7	86
Konkrit putih lama	0.9	0.4	45
Asphalt baharu	0.9	0.05	0
Asphalt lama	0.9	0.1	6

Jadual diatas menunjukkan nilai SRI yang berkadar mengikut warna bahan yang digunakan. Hitam = 0, Putih = 86.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bukti Bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Rujuk data *embodied energy* (Jumlah tenaga yang diperlukan untuk pengestrakan, pemprosesan, pembuatan, dan penghantaran bahan binaan ke tapak bangunan tersebut)

MARKAH BERKAITAN

- TL1 – Perancangan Tapak
- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- TL3 – Kerja Tanah Lestari
- TL4 – Kawalan Hakisan dan Kelodak
- TL8 – Bumbung dan Dinding Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan jejak buatan manusia.
- Mengurangkan kos kerja-kerja awalan.
- Mengekalkan habitat.

TL

RUJUKAN

- Spesifikasi teknikal pembekal.
- Keperluan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan)

ISTILAH& MAKSUD

- **Emissivity** – Pancaran, Keupayaan sesuatu permukaan untuk menyinarakan tenaga dan disukatkan berdasarkan nisbah fluks tersinar bagi setiap unit luas terhadap tenaga yang disinarkan oleh jasad hitam pada suhu yang sama.

MATLAMAT

Menggalakkan penggunaan sistem turapan berumput bagi mengurangkan kesan peningkatan suhu persekitaran.
Membantu pengaliran air hujan dan kadar serapan secara semulajadi ke kolam tadahan air hujan bagi tujuan untuk dikitar semula.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan sistem turapan berumput yang merangkumi 50% daripada kawasan landskap kejur, dataran terbuka dan di tempat letak kenderaan terbuka berfungsi.

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan sistem turapan yang digunakan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pemasangan sistem turapan yang tidak mematuhi spesifikasi sepertimana yang telah ditetapkan dalam kontrak mengakibatkan jubin penurapan terbuka atau dipenuhi pasir apabila hujan, dan rumput akan mati. Aplikasi sistem ini tidak terhad kepada parkir sahaja, malah boleh digunakan di seluruh kawasan.

PENGIRAAN

Rumus 2: Kawasan berturap

Langkah 1: Kira luas kawasan berturap

$$= (\Sigma \text{kaw. tapak} - \Sigma \text{kaw. hijau} - \text{jejak tapak bangunan}) \\ = \Sigma \text{kawasan berturap}$$

Langkah 2: Kira peratusan luas kawasan turapan berumput

$$\text{sistem turapan berumput} / \Sigma \text{kawasan berturap} = >50\%$$

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Katalog dan kaedah pemasangan (*method statement*)
- Bukti Bergambar



MARKAH BERKAITAN


- TL1 – Perancangan Tapak
- TL2 – Sistem Pengurusan Alam Sekitar TL3 – Kerja Tanah Lestari
- TL4 – Kawalan Hakisan dan Kelodak
- TL8 – Bumbung dan Dinding Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Memulihara habitat
- Mewujudkan habitat
- Mengurangkan jejak karbon

CONTOH PENGEMUKAAN

Rajah 8: Sistem turapan berumput



POTENSI PENGURANGAN KARBON

Rumput adalah sumber bernilai bagi *carbon sequestration*, dengan penyimpanan karbon positif bersih untuk semua amalan pengurusan rumput. Satu ekar rumput boleh menyimpan lebih kurang 1.03 Mg/ha/tahun atau 0.46 tan karbon dalam setahun.

RUJUKAN

- o Rujukan daripada katalog pembekal

ISTILAH& MAKSUD

- o **Sequestration (carbon)** - proses memerangkap karbon dan jangka masa penyimpanan CO₂ dalam atmosfera.

TL 6 BUMBUNG HIJAU & DINDING HIJAU

6.1 Indeks Pantulan Suria (SRI) mengikut jenis & kecerunan bumbung.

1 markah

MATLAMAT

Mengurangkan penyerapan haba melalui bumbung.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- 1 Markah:** Memastikan sekurang-kurangnya 75% daripada keluasan bumbung menggunakan bahan binaan yang mempunyai SRI berikut
- SRI ≥ 29 bagi kecerunan bumbung $> 23^\circ$
- SRI ≥ 78 bagi bumbung rata $> 4^\circ$.
- Tidak termasuk bumbung hijau.

PENDEKATAN & STRATEGI

Memastikan pemilihan bahan binaan bumbung mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dimana SRI dikira berdasarkan nilai *Reflectance* yang diperoleh daripada Pembekal.

Reflectance adalah sebahagian kecil daripada kuasa elektromagnet dilihat dari sampel tertentu, manakala pemantulan (*Reflection*) adalah ciri-ciri bahan itu sendiri, yang akan diukur pada mesin khusus.

SRI juga mengambil kira faktor "*Emissivity*" bahan tersebut. Secara lazimnya, lebih berkilat sesuatu bahan, lebih rendah kadar *emissivity*.

Jadual 2: SRI bahan

Bahan	Emissivity	Reflectance	SRI
Konkrit baharu	0.9	0.35	35
Konkrit lama	0.9	0.2	19
Konkrit putih baharu	0.9	0.7	86
Konkrit putih lama	0.9	0.4	45
Asphalt baharu	0.9	0.05	0
Asphalt lama	0.9	0.1	6

Jadual diatas menunjukkan nilai SRI yang berkadar mengikut warna bahan yang digunakan. Hitam = 0, Putih = 86.

Bumbung rata akan mendapat kesan radiasi solar yang lebih tinggi berbanding bumbung curam. Oleh yang demikian, bumbung rata memerlukan SRI yang lebih tinggi. Sekiranya bumbung adalah konkrit rata, ianya mesti dicat putih untuk mendapatkan 'albedo' tinggi

PENGIRAAN

Kira jumlah kawasan bumbung (tolak kawasan bumbung hijau jika ada)

Rumus 3 Kawasan bumbung

$$\begin{aligned}
 &= (\Sigma \text{kaw. bumbung} - \Sigma \text{kaw. Bumbung hijau (jika ada)}) \\
 &= \Sigma \text{kawasan bumbung} \\
 \text{keperluan 75\%} &= \Sigma \text{kawasan bumbung} \times 0.75
 \end{aligned}$$



MARKAH BERKAITAN

TL7 – Landskap Strategik.
KT2 – Rekabentuk Bumbung.
KT3 – Orientasi Bangunan.
KT4 – Rekabentuk Fasad.

MANFAAT

Mengurangkan suhu persekitaran.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Katalog dan kaedah pemasangan (method statement) (Sekiranya melibatkan kerja penambahbaikan) & bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan untuk kriteria ini secara terus.

RUJUKAN

- o Spesifikasi teknikal pembekal.

ISTILAH& MAKSUD

- o **Albedo** - Ukuran pemantulan dari permukaan. Kesan albedo apabila digunakan ke Bumi adalah ukuran jumlah tenaga Matahari yang dipantulkan semula ke angkasa. Secara keseluruhan, albedo Bumi mempunyai kesan yang menyejukkan.

6.2 Menggalakkan rekabentuk bumbung/dinding hijau.

3 Markah

MATLAMAT

Menggalakkan kawasan hijau di bumbung dan dinding bangunan untuk mengurangkan suhu persekitaran serta mengurangkan beban penyejukan bangunan.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- 1 Markah :** Memastikan Sekurang-kurangnya 50% bahagian atas bumbung (semua kawasan bumbung) disediakan kawasan untuk landskap tidak intensif iaitu kawasan berumput atau pokok-pokok renek sahaja.
- 1Markah :** Memastikan penanaman pokok teduhan sebanyak 5% kawasan bumbung hijau dengan spesies yang bersesuaian di bahagian bumbung.
- 1 Markah :** Memastikan Sekurang-kurangnya satu bahagian fasad hendaklah direkabentuk sebagai dinding hijau (berlandskap) yang merangkumi 10% keseluruhan fasad tidak termasuk kawasan servis.

PENDEKATAN & STRATEGI

Manual penyenggaraan landskap perlu digunakan sebagai panduan kepada pemilik bangunan atau penyelia bangunan untuk menyenggara bumbung dan dinding hijau.

Penanaman landskap hendaklah dipastikan dibahagian fasad yang berpenghuni dan berhawa dingin yang menghadap matahari.

Pelantikan kontraktor penyenggaraan landskap yang tidak kompeten ~~juga~~ akan menyebabkan penyenggaraan landskap yang kurang efektif. Pemilik atau penyelia bangunan yang peka kepada keperluan penyenggaraan landskap akan sentiasa memastikan landskap diselenggara dengan baik. Bumbung hijau berupaya mengurangkan penyerapan haba di permukaan bumbung dan kepanasan di dalam bangunan.

PENGIRAAN

Langkah 1

Rumus 4 Kawasan bumbung hijau

$$\frac{\text{Luas Bumbung Hijau}}{\Sigma \text{ luas bumbung} - \text{kaw. Mekanikal}} > 50\%$$

Langkah 2

Rumus 5 Kawasan pokok teduhan atas bumbung

$$\frac{\text{Kaw. Pokok teduhan}}{\text{Kaw. Bumbung Hijau}} > 5\%$$

Langkah 3

Rumus 6 Kawasan dinding hijau

$$\frac{\text{Kaw. Dinding hijau}}{\Sigma \text{ luas fasad}} > 10\%$$

**MARKAH BERKAITAN**

- TL7 – Landskap Strategik.
- KT2 – Rekabentuk Bumbung.
- KT3 – Orientasi Bangunan.
- KT4 – Rekabentuk Fasad.

MANFAAT

- Mengurangkan suhu persekitaran.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bukti Bergambar
- Rekod Senggaraan.

CONTOH PENGEMUKAAN

Rajah 9: Rekod Senggaraan

Ongoing Maintenance Log

Instructions: Refer to the ONGOING MAINTENANCE section of the Green Roof Maintenance Guide for recommendations on general care. Record your activities and observations below. You may wish to make additional blank copies, as needed.

This log pertains to the following Dates:
Work Overseen by:

Visit Date:								
Conditions During past week: (Indicate all that Apply) M = Mild C = Cold R = Rain D = Dry W = Windy								
Moisture/ Irrigation System Checked?								
Water Applied? (if needed)								
Vegetation Free Zones and Drains Inspected?								
Debris Removed?								
Weeds Removed?								
Spent Flowerheads Deadheaded?								
Digital Photos Taken?								
Any Concerns Noted? (If so, document separately)								
Work By:								

Report Authored By: _____
Issue Date: _____

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Pengurangan karbon mampu mengurangkan penggunaan tenaga dan membekalkan persekitaran yang kondusif:-

RUJUKAN

- o Garis Panduan Landskap Negara, KPKT (2008)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.

TL 7 TEMPAT LETAK KENDERAAN

Tempat letak kereta khas untuk kenderaan yang dikongsi atau kenderaan hijau.

1 MARKAH

MATLAMAT

Menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 Markah : Memastikan 5% daripada bilangan tempat letak kenderaan yang memenuhi kehendak PBT, dijadikan tempat letak kenderaan khas untuk kenderaan yang dikongsi (*Car Pool*) **atau** kenderaan hijau (kereta elektrik/hybrid/kereta dalam kategori jimat minyak) atau *Low Emission Vehicles* (LEV). Penanda (papan tanda, cat dll.) yang bersesuaian hendaklah diletakkan dengan jelas di tempat letak kenderaan khas tersebut.

PENDEKATAN & STRATEGI

Lokasi tempat letak kenderaan khas yang disediakan berdekatan dengan mana-mana pintu masuk ke bangunan.

Penggunaan turapan berumput di tempat letak kenderaan adalah digalakkan.

Pemilihan bahan turapan dengan nilai sekurang-kurangnya SRI 29.

Rajah 10: Papan tanda LEV yang dipasang menegak



PENGIRAAN

Rumus 7: Pengiraan LEV

Parkir LEV / Jumlah parkir (tidak termasuk OKU) > 5%

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bukti bergambar.



TL

MARKAH BERKAITAN


- TL7 – Landskap Strategik.

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil.
- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.
- Mengurangkan jejak karbon.

CONTOH PENGEMUKAAN

Rajah 11: Lokasi parkir LEV



POTENSI PENGURANGAN KARBON

Kendaraan adalah antara penyumbang terbesar kepada pelepasan karbon. Untuk setiap kereta, sebanyak 0.26 kg CO₂ dilepaskan untuk setiap kilometer. Pengurangan pelepasan CO₂ boleh dicapai sekiranya pengguna berkongsi kendaraan, menggunakan pengangkutan awam, berbasikal atau berjalan kaki.

RUJUKAN

- o Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam –UBBL 1984

ISTILAH & MAKSUD

- o **LEV** - Low Emission Vehicle, kendaraan jenis rendah pelepasan carbon. Cth: *hybrid*

PENGURUSAN KECEKAPAN TENAGA

Meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dengan mengoptimalkan orientasi, fasad dan Rekabentuk bumbung bangunan. Penggunaan cahaya siang semulajadi dan tenaga diperbaharui adalah antara strategi penjimatan tenaga yang berkesan. Kawalan penyusupan udara luar juga akan dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga di dalam bangunan.

KT 1 KECEKAPAN PENCAHAYAAN

1.1 Zon pencahayaan

3 Markah

MATLAMAT

Untuk mengawal sistem pencahayaan di dalam bangunan yang bukan dari pencahayaan semulajadi.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- 1 markah :** Terdapat sistem litar lampu mengikut zon
- 1 markah :** Terdapat pengesan cahaya automatik (*photo sensor*) yang berfungsi.
- 1 markah :** Terdapat pengesan gerakan (*motion sensors*) yang berfungsi.-

PENDEKATAN & STRATEGI

Sekiranya terdapat pengubahsuaian litar lampu, ianya mestilah diambil dalam zon yang sama. Menjalankan kalibrasi dan pelarasan pada peralatan yang telah dipasang bagi memastikan ia berfungsi dengan baik.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Lukisan siap bina (sekiranya ada pengubahsuaian litar lampu)

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan bagi kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Setiap unit lampu yang dipadam atau tidak dipasangkan akan mengurangkan penggunaan elektrik secara langsung. Kadar pengurangan ini boleh dilihat daripada bacaan bil and BEMS.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 *Code Of Practice For Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy* oleh SIRIM.
- o *Energy Efficiency Guidelines For CKE Design*.

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu



MARKAH BERKAITAN

- KT9 – Intensiti Tenaga Bangunan

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan jejak karbon

MATLAMAT

Untuk mengawal sistem pencahayaan di dalam bangunan yang bukan dari pencahayaan semulajadi.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan *Lighting Power Density* (LPD) $\leq 12\text{W/m}^2$ untuk pejabat. Lain-lain ruang perlu mematuhi LPD sebagaimana MS1525:2014.

PENDEKATAN & STRATEGI

Merekod penggunaan tenaga semasa. Ini bertujuan untuk memantau *trend* LPD. Sekiranya terdapat nilai yang melebihi LPD yang ditetapkan, pihak pengurusan perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya.

PENGIRAAN

Pengunaan tenaga bagi pencahayaan per GFA.

$$\text{LPD} = \frac{\text{Jumlah penggunaan tenaga pencahayaan}}{\text{Luas kawasan lantai}}$$

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Laporan penggunaan tenaga pencahayaan secara berkala

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Pengurangan penggunaan elektrik.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 *Code Of Practice On Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy* oleh SIRIM.
- o *Energy Efficiency Guidelines For CKE Design*.

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu



MARKAH BERKAITAN

- KT9 – Intensiti Tenaga Bangunan

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Mengurangkan jejak karbon

2.1 Coefficient of Performance (COP)

1 Markah

MATLAMAT

Untuk mendapatkan Penyejukan efisien dan jimat tenaga.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan ACMV dengan COP yang melepasi kehendak minima MS1525:2014.

PENDEKATAN & STRATEGI

Coefficient of Performance (COP) merupakan satu kuantiti tanpa unit atau nisbah, antara beban penyejukan ke atas sesuatu ruang, dan tenaga elektrik yang diperlukan oleh sistem penyaman udara untuk menyejukkan ruang itu. Ianya merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap kecekapan sistem penyaman udara.

Nilai COP yang semakin tinggi menunjukkan sesebuah sistem penyaman udara itu lebih cekap dalam operasinya, dan lebih berupaya menyejukkan sesuatu ruang dengan penggunaan tenaga yang rendah.

Secara amnya, Rumus 8 Pengiraan COP

$$COP = \frac{\text{Beban penyejukan sesuatu ruang}}{\text{Kuasa digunakan untuk menyejukkan ruang}}$$

$$COP = \frac{\text{Refrigerant ion load (kW}_{rt})}{\text{Electrical power input to the system/cycle (kW)}}$$

PENGIRAAN

Berdasarkan pengiraan COP

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Rekod penyenggaraan peralatan
- Pengiraan COP

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Pengurangan penggunaan tenaga menyumbang kepada pengurangan CO₂.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 Code Of Practice On Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy oleh SIRIM.
- o Standard Technical Specifications for ACMV System (CKM)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



MARKAH BER
- KT9 – Inte
Bangunan

MANFAAT
- Mengurang
pelepasan
hijau
- Mengurang
karbon

MATLAMAT

Menggalakkan penggunaan bahan penyejuk (*refrigerant*) yang mempunyai nilai *Ozone Depletion Potential* (ODP) dan *Global Warming Potential* (GWP) yang rendah.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan bahan penyejuk mematuhi keperluan *Ozone Depletion Potential* (ODP) dan *Global Warming Potential* (GWP) mengikut rangka masa yang telah ditetapkan didalam Protokol Montreal dan Protokol Kyoto.

PENDEKATAN & STRATEGI

Malaysia telah mewar-warkan komitmen di Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP 15, 2009) untuk mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida. Sehubungan itu, Jabatan perlu memainkan peranan untuk turut menyumbang dalam mematuhi komitmen tersebut.

Kriteria ini memberi tumpuan kepada penghapusan bahan penyejuk (*refrigerant*) berasaskan chlorofluorocarbons (CFC) yang menyumbang kepada penipisan lapisan ozon. Semua sistem penyaman udara harus mematuhi kehendak kriteria ini. Ini termasuk sistem air pengokol (*chilled water system*), unit berasingan (*split unit*), *packaged unit*, dan sebagainya. Ianya mudah untuk dipatuhi kerana penggunaan bahan penyejuk tanpa CFC telah menjadi amalan piawai dalam pembinaan masa kini.

Pemarkahan diberi berdasarkan pematuhan projek terhadap tindakan seperti yang digariskan di dalam Jadual 4. Sebagai contoh, jika tarikh brif projek diterima adalah pada Januari 2015, maka pematuhan oleh pasukan projek untuk mendapatkan markah adalah seperti yang disenaraikan dari tahun 1990 hingga 2010.

Jadual 4 : Rangka Kerja Penggunaan Bahan Penyejuk merujuk Protokol Montreal & Protokol Kyoto

Tahun Mula Tindakan	Tindakan
1990	- Pengeluaran kebanyakan produk CFC tamat
2010	- Pengeluaran produk R-22 tamat - Pengeluaran CFC tamat (R-11, R-12)
2020	- Pengeluaran produk R-123 tamat - Tiada servis baru untuk R-22
2030	- Pengeluaran produk baru HCFC tamat - Tiada servis baru untuk R-123
2040	- Pengeluaran produk R-123 tamat - Tiada pengeluaran baru HCFC

Sumber: Protokol Montreal & Protokol Kyoto

**MARKAH BER**

- KT9 – Inte
- Bangunan

MANFAAT

- Mengurang
- pelepasan
- hijau
- Mengurang
- karbon

PENGIRAAN

Berdasarkan pengiraan M&E dan kalkulator pH.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Brosur pembekal
- Rekod penyenggaraan peralatan

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

GWP adalah "potensi pemanasan global" dan ia mengukur berapa banyak pemanasan global yang disebabkan oleh 1kg pelepasan penyejuk berbanding dengan 1kg CO₂. Kebanyakan Penyejuk fluorocarbon, termasuk HCFC seperti R22 dan HFCs seperti R134a dan R404A mempunyai GWP sangat tinggi yang lebih daripada seribu kali lebih tinggi daripada CO₂. Beberapa alternatif sediaada yang mempunyai GWP sifar atau sangat rendah, seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Sekiranya ia digunakan, pelepasan langsung boleh sifar atau diabaikan berbanding dengan pengeluaran tenaga tidak langsung.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 *Code Of Practice On Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy* oleh SIRIM.

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



MARKAH BER

- KT9 – Inte
- Bangunan
- PD 9 – Pen
- Kulapuk

MANFAAT

- Menguran
- pelepasan
- hijau
- Menguran
- karbon

MATLAMAT

Menyediakan langkah-langkah yang mencukupi bagi mencegah udara masuk dan keluar secara tidak terkawal ke dalam ruang berhawa dingin.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan kadar penyusupan udara tidak melebihi 0.5 ACH (*air change per hour*) atau mengikut piawaian yang bersesuaian.

PENDEKATAN & STRATEGI

Kadar penyusupan udara boleh didapati melalui perkiraan dan ujiterima.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Laporan pelaksanaan program kesedaran

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

"Leaky Building" akan menyebabkan pelepasan CO₂ yang lebih tinggi. Kehilangan haba (sejuk) bermakna bahawa sistem penyejuk akan bekerja lebih kuat kerana tidak dapat memenuhi suhu yang telah ditetapkan. Penyusupan yang berlebihan boleh membuat suhu bilik panas dan tidak selesa. Kebocoran udara yang berlebihan boleh membenarkan udara lembap untuk menembusi fabrik bangunan, merosakkan struktur dan mengurangkan keberkesanan penebat.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 Code Of Practice On Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings oleh SIRIM.
- o Garis Panduan Pencegahan Kulat oleh JKR.
- o ASHRAEE Standard 62.1-2007 Ventilation For Acceptable Indoor Air Quality

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.

MATLAMAT

Menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu bagi mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar di samping dapat mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida CO₂.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

Jumlah peratusan daripada keseluruhan tenaga elektrik setahun yang dijana oleh tenaga boleh baharu sebanyak :

5 markah	: 5% atau mengekalkan $\geq 90\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
4 markah	: 4% atau mengekalkan $\geq 80\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
3 markah	: 3% atau mengekalkan $\geq 70\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
2 markah	: 2% atau mengekalkan $\geq 60\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
1 markah	: 1% atau mengekalkan $\geq 50\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.

Kurangkan penggunaan tenaga dari bekalan elektrik dengan jumlah keseluruhan penggunaan tenaga elektrik yang dihasilkan oleh tenaga boleh baharu:

3 markah	: $\geq 90\%$ penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
2 markah	: 75 - 89% penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.
1 markah	: 50 - 74% penjanaan tenaga berdasarkan rekabentuk asal.

ATAU

1 markah : Mengekalkan penjanaan tenaga selain daripada tenaga elektrik dari sumber boleh baharu. (contohnya tenaga haba dari *evacuated tube*)
Combine pakai yang biru. Asing maintain kurangkan \penggunaan.....

PENDEKATAN & STRATEGI

Pengiraan penggunaan tenaga yang dihasilkan oleh tenaga boleh baharu adalah berdasarkan pada prestasi system yang telah di pasang. Bagi mendapatkan penjanaan tenaga yang optimum kerja-kerja senggaraan secara berkala perlulah dilaksanakan.

Tenaga boleh baharu juga boleh menjana bentuk tenaga lain seperti tenaga haba untuk kegunaan terus di dalam bangunan tanpa perlu ditukarkan kepada tenaga elektrik (contoh : tenaga haba dari *evacuated tube*).

PENGIRAAN

Berdasarkan pengiraan pembekal.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Rekod bacaan penjanaan

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.



MARKAH BER

- KT9 - Inte
- Bangunan

MANFAAT

- Mengguna
- dengan lel
- Mengurang
- bakar fosil.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Setiap kWh yang dikurangkan menyumbang kepada pengurangan pelepasan CO₂.

RUJUKAN

- MS 1525:2014 *Code Of Practice For Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy* oleh SIRIM.
- *Specification For Grid Connected Photovoltaic (PV) System (CKE Specification)*
- Akta Tenaga Boleh Baharu 2010.

ISTILAH & MAKSUD

- **Feed-in-tarif (FIT)** - kadar tarif khas di mana TNB akan membeli tenaga elektrik daripada pemilik PV Suria. Kadar FIT untuk 2013 adalah sekitar 4x TNB kadar Tarif kediaman, ini bermakna TNB membeli pada kadar tarif 4x berbanding dengan kadar tarif yang mereka jual. FIT adalah mentadbir oleh *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SEDA).

MATLAMAT

Menggalakkan rekabentuk bangunan yang cekap tenaga melalui pemakaian peranti perisian yang bersesuaian untuk menganggarkan intensiti tenaga bangunan (*Building Energy Intensity – BEI*) agar mencapai tahap yang disasarkan.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

Nilai BEI di bawah adalah berdasarkan kepada bangunan pejabat

10 markah	: BEI ≤ 90 kWh/m ² /year	atau 45% pengurangan
9 markah	: BEI ≤ 95 kWh/m ² /year	atau 40% pengurangan
8 markah	: BEI ≤ 100 kWh/m ² /year	atau 35% pengurangan
7 markah	: BEI ≤ 105 kWh/m ² /year	atau 30% pengurangan
6 markah	: BEI ≤ 110 kWh/m ² /year	atau 28% pengurangan
5 markah	: BEI ≤ 115 kWh/m ² /year	atau 25% pengurangan
4 markah	: BEI ≤ 120 kWh/m ² /year	atau 23% pengurangan
3 markah	: BEI ≤ 130 kWh/m ² /year	atau 20% pengurangan
2 markah	: BEI ≤ 140 kWh/m ² /year	atau 18% pengurangan
1 markah	: BEI ≤ 150 kWh/m ² /year	atau 15% pengurangan

Combine ambil yang KB1a

PENDEKATAN & STRATEGI

Pengiraan BEI adalah berdasarkan 12 bulan bil elektrik terkini (kWh/m²/yr).

1. Sistem Aktif
Rancang penggunaan sistem ACMV yang efisien dan cekap tenaga. Sistem penyejuk bangunan adalah penyumbang terbesar kepada penggunaan tenaga dalam sesuatu bangunan. Pastikan setiap komponen dipilih dari jenis yang cekap tenaga (KT6). Sistem ACMV juga boleh direka dengan keupayaan *Demand Ventilation*, iaitu pemasangan sensor CO₂ yang membolehkan kemasukan *fresh air* dikawal (PD6). Terdapat juga pelbagai inovasi yang boleh meningkatkan kecekapan ACMV yang boleh dikenal pasti.
2. Pencahayaan
Bagaimana menerangi ruang dengan menggunakan jumlah cahaya yang sama tetapi menggunakan tenaga yang rendah? Menaiktaraf daripada lampu kalimantang jenis T8 ke T5 sudah mampu menjimatkan hampir 10% penggunaan tenaga. Bagi produk yang berkualiti tinggi dengan penjimatan tenaga terbesar, pilih mentol yang telah mendapat ENERGY STAR.
3. Lain-lain kecekapan tenaga untuk pencahayaan boleh diperoleh daripada pendekatan pencahayaan semula jadi dan perancangan penggunaan lampu dengan efektif. (KT6)
4. Perkakas cekap tenaga
Pilih peralatan pejabat cekap tenaga. ENERGY STAR melabel komputer menggunakan 30%-65% pengurangan tenaga. Terdapat juga penarafan tempatan yang disyorkan oleh Suruhanjaya Tenaga yang boleh diambil kira.



MARKAH BER

- KT 2 – Rekod Fasad
- KT 3 – Rekod Bumbung

MANFAAT

- Mengurangkan pelepasan hijau
- Mengurangkan karbon

Rajah 12 : Pengesahan cekap tenaga Energy Star



Rajah 13 : Pengesahan cekap tenaga oleh ST



Endorsement Label used by Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)

5. Penghunian

Adalah menjadi amalan agar kita mematikan peralatan apabila tidak digunakan di mana dapat menjimatkan penggunaan tenaga. Ianya perlu dijadikan polisi umum agar penjimatan tenaga boleh dicapai.

6. Phantom load

Masih ada tenaga yang digunakan walaupun semasa perkakasan ditutup. Ini kerana masih ada cas elektrik pada soket yang boleh beralir menerusi perkakasan yang masih tersambung. *Phantom load* ini boleh dikenal pasti terutamanya perkakas yang mempunyai mode *standby* biasanya mempunyai penunjuk LED kecil. Secara umumnya, phantom load ini mampu menggunakan tenaga sehingga 5-10% dan boleh dikesan pada hari-hari bercuti. Untuk mengatasi masalah ini, tutup suis dan cabut soket apabila perkakas tidak digunakan. Ini juga memerlukan penguatkuasaan dan agak sukar untuk dipraktikkan, kecuali jika rekabentuk suis berada di tempat yang mudah dicapai.


7. Tenaga Boleh baharu

Penggunaan tenaga solar, angin dan air boleh meningkatkan penjimatan tenaga.

8. Profil penggunaan

Kenal pasti profil penggunaan dan masukkan ke dalam pengiraan sebaiknya. Kebiasaanya kebanyakan pengiraan hanya menumpukan kepada *diversity factor* yang mungkin tidak tepat.

Rajah 14 : Contoh profil pengguna



PENGIRAAN

Pengiraan BEI adalah berdasarkan 12 bulan bil elektrik terkini (kWh/m²/yr).

Rumus 9 Pengiraan BEI

$$\text{BEI} = \frac{\text{Jumlah penggunaan tenaga setahun (kWh)}}{\text{Jumlah kawasan lantai, GFA(excluding carpark) (m}^2\text{)}}$$

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Bil elektrik bulanan (sekurang – kurangnya 12bulan) terkini

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Bangunan merupakan penyumbang terbesar CO₂ ke atmosfera. Bangunan cekap tenaga adalah satu peluang yang signifikan untuk pengurangan CO₂ di Malaysia. Kajian menunjukkan setiap 1,000 kWh tenaga yang digunakan mengeluarkan 0.68 kg CO₂.

RUJUKAN

- o MS 1525:2014 Code Of Practice On Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings oleh SIRIM.

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.

KT 6 PAPARAN & KAWALAN

6.1 Sistem Pengurusan Kawalan Tenaga

1 MARKAH

Submeter Combine – masukkan submeter..refer KB2

SPKT combine- ambil KB2 : Asing ambil KB2

MATLAMAT

Mengadakan sistem pengawasan dan kawalan supaya semua sistem bangunan boleh dipantau, diselia dan diselenggara disamping mengoptimumkan penggunaan tenaga.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Memastikan Sistem Pengurusan Kawalan Tenaga dalam bangunan, *Building Energy Mangement System* (BEMS) beroperasi dengan baik.

PENDEKATAN & STRATEGI

Pemasangan sistem pengurusan kawalan tenaga perlu diputuskan di peringkat perancangan. Ini bagi membolehkan penyelarasan keperluan rekabentuk servis-servis dalam bangunan untuk diintegrasikan dengan sistem tersebut dibuat di peringkat rekabentuk.

Sistem BEMS merupakan salah satu alat yang boleh merapatkan jurang antara rekabentuk dan operasi bangunan atau sistem, menyepadukan pertimbangan alam sekitar dalam pengurusan bangunan, dan memastikan matlamat kecekapan tenaga boleh dicapai dan dikekalkan.

Proses BEMS ini membantu dalam menambahbaik prestasi pengoperasian bangunan dan mengurangkan penggunaan tenaga.

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Laporan BEMS

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Tiada potensi pengurangan untuk kriteria ini secara terus.

RUJUKAN

- o MS 1525: 2014 *Code of Practice for Energy Efficiency and Use of Renewable Energy* oleh SIRIM.

ISTILAH & MAKSUD

- o **Demand Limiting Program** - Kebolehan untuk menghadkan penggunaan tenaga dan kawalan kapasiti. Ianya mengurangkan penggunaan maksimum dalam keadaan permintaan yang terhad, sekali gus mengurangkan penggunaan elektrik sepenuhnya tanpa mematikan alat tersebut.



MARKAH BER
- KT10.1 – Pe
Sub-Meter

MANFAAT
- Mengguna
dengan le

SPT dimasukkan dalam KB2

MATLAMAT

Mewujudkan sistem pengawasan dan kawalan supaya semua sistem bangunan boleh dipantau, diselia dan disenggara bagi memastikan tenaga digunakan dengan cekap, jimat dan berkesan.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- 5 3 markah :** Mewujud, mengamal dan mendapatkan pensijilan sistem pengurusan tenaga dari badan yang diiktiraf (cth: SIRIM, AEMAS dll)
- 3 1 markah :** Mewujud dan mengamalkan sistem pengurusan tenaga

PENDEKATAN & STRATEGI

- 1) Mewujudkan polisi serta objektif pengurusan tenaga
- 2) Mewujudkan carta organisasi pengurusan tenaga
- 3) Menentukan penanda aras penggunaan tenaga bangunan
- 4) Merancang program pengurusan tenaga; tindakan tanpa kos dan tindakan dengan kos
- 5) Melaporkan pencapaian serta prestasi penggunaan tenaga bangunan

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Sijil Pengiktirafan
- Polisi SPT
- Manual SPT
- Prosedur
- Dokumen sokongan
- Rekod

CONTOH PENGEMUKAAN

Dokumen sistem pengurusan tenaga

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Setiap kWh yang dikurangkan menyumbang kepada pengurangan pelepasan CO₂.

RUJUKAN

- o EnMS 50001:2011
- o Garis Panduan Bagi Mewujudkan Dan Melaksanakan Sistem Pengurusan Tenaga Di Bangunan Kerajaan, JKR



MANFAAT
- Mengguna
dengan le

PENGURUSAN SUMBER & BAHAN

Menggalakkan penggunaan bahan yang diberi penarafan hijau oleh badan yang telah diiktiraf.

SB

SB 1 3R – (REDUCE, REUSE, RECYCLE) SEMASA OPERASI

- ~~PRODUK HIJAU~~
- ~~PENGURUSAN SISA SEMASA OPERASI~~
 - ~~Penyediaan Pelan Pengurusan Sisa Binaan~~
 - ~~Pengurusan Sisa Berjadual~~
 - ~~Pengurusan Sisa Binaan~~

3 MARKAH

MATLAMAT

Pengurusan sisa domestik dan pepejal yang teratur akan memberikan keselesaan kepada pengguna dan mesra alam sekitar.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

- 1 markah :** Menyediakan dan mematuhi pelan pengurusan sisa domestik secara sistematik semasa operasi.
- 1 markah :** Menyediakan sekurang-kurangnya 3 jenis tong pengumpulan kitar semula dan 1 tong sampah umum bagi menguruskan sisa domestik secara sistematik.
- 1 markah :** Memastikan kebuk sampah yang bersaiz 30% lebih besar diguna untuk menguruskan sisa domestik yang boleh dikitar semula.

PENDEKATAN & STRATEGI

Pengurusan sisa domestik hendaklah mematuhi keperluan Garis Panduan Bil 31. Tahun 2011 SWCorp.

Sisa Domestik hendaklah diasingkan kepada sisa organik dan bukan organik di mana sisa pepejal yang bernilai hendaklah diasingkan daripada sisa pepejal yang hendak dilupuskan. Ini bertujuan mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan dan memudahkan aktiviti kitar semula dijalankan.

Berikut adalah langkah - langkah yang perlu dijalankan di dalam pelaksanaan program pengasingan sisa iaitu :-

- Menubuhkan Jawatankuasa 3R
- Menjalankan Penilaian Sisa di Pejabat
- Menyediakan Fasiliti Untuk Pengasingan Sisa
- Mengenalpasti Pemborong Barangan Kitar Semula
- Menjalankan Promosi Program Pengasingan Sisa di Sumber di Pejabat
- Kutipan dan Penstoran Sisa Pepejal yang boleh Dikitar Semula
- Rekod dan Pencapaian
- Pemantauan Program

MARKAH BERKAITAN

- SB1 – Sistem Binaan Berindustri
- SB3 – Pengurusan Sisa Bangunan Semasa Pembinaan

MANFAAT

- Mengurangkan sisa pepejal

SB

PENGIRAAN

Tiada pengiraan diperlukan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Pelan pengurusan sisa domestik

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh pengemukaan untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Pengurangan perjalanan ke tapak pelupusan akan mengurangkan pelepasan CO₂ seperti berikut;

7,300 kg pelepasan CO₂/orang/tahun atau 20 kg pelepasan CO₂/orang/hari

perjalanan 1km trak sisa = 0.85 kg CO₂

Perjalanan 1km trak sisa = 10.03 kg CO₂ melalui penggunaan diesel

RUJUKAN

- o PPSPPA, Garis Panduan Bil 31. Tahun 2011

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.

PENGURUSAN KECEKAPAN PENGGUNAAN AIR

Menggalakkan penggunaan semula air dan juga air hujan yang dapat menjimatkan penggunaan air dengan menggunakan produk cekap air akan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap air terawat. Pengurusan penggunaan dan kebocoran air juga perlu diambil perhatian.

Penggunaan air terawat (potable water) dalam sesebuah bangunan dapat diijimatkan dengan menggalakkan penggunaan semula air hujan dan air sisa serta penggunaan produk yang cekap air. Selain itu, pemantauan berkala terhadap kegunaan air juga dapat membantu dalam mengesan kebocoran yang menyebabkan kepada pembaziran air.

	MANDATORI
	2 Markah

Combine – use KB2 : Asing kekal KB1a dan KB2

MATLAMAT

Menjimatkan penggunaan air melalui pam tandas.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

2 Markah : **MANDATORI**

Penggunaan sistem pam tandas dua injap yang berfungsi dengan baik.

DAN

Mengekalkan kadar penjimatan penggunaan air yang dicapai semasa penarafan sebelumnya


PENDEKATAN & STRATEGI

Sistem pam tandas yang menggunakan dua injap ini mampu untuk menjimatkan penggunaan air di sesebuah premis.

WEPLS

WEPLS adalah Skim Pelabelan Produk Cekap Air Sukarela (*Voluntary Water Efficient Product Labelling Scheme (WEPLS)*) yang dikeluarkan oleh SPAN bagi produk cekap air. Label WEPLS yang dilekatkan kepada produk akan membantu pengguna dalam membuat pertimbangan bagi memilih produk yang cekap air.

Rajah 15: Tanda pengesahan WEPLS oleh SPAN



PENGIRAAN

-

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Rekod penggunaan air (i.e. bacaan meter air)



MARKAH BERKAITAN

- SB2 – Produk Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan air

PA

Rajah 16: Contoh bil air

CO₂ yang dibebaskan semasa proses rawatan air adalah sebanyak 0.419 kg CO₂ bagi setiap 1m³ (source) –rujuk mycrest

- o *International Plumbing code – include table*
- o Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) – WEPLS
- o Dokumen Panduan Kecekapan Air bagi Rekabentuk Sistem dalam Bangunan edisi 2015 JKR (Cawangan Kejuruteraan Mekanikal)

- Tiada istilah baharu.

PA 2 PENJIMATAN PENGGUNAAN AIR

2.1 DALAM BANGUNAN

2 MARKAH

MATLAMAT

Menjimatkan penggunaan air.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah: Penggunaan produk selain daripada pam tandas yang mempunyai label WEPLS

DAN

Terdapat alat tambahan bagi tujuan penjimatan air yang dipasang pada produk / toilet fittings. Rujuk Jadual C dalam Dokumen Panduan Kecekapan Air bagi Rekabentuk Sistem dalam Bangunan edisi 2015 JKR (Cawangan Kejuruteraan Mekanikal). Produk perlu berfungsi dengan baik.

PENDEKATAN & STRATEGI

Kajian menunjukkan **lebih kurang 37% penggunaan air** dalam sesebuah bangunan pejabat berlaku bagi aktiviti di dalam tandas. Peratusan ini merupakan yang tertinggi berbanding aktiviti-aktiviti lain. Secara asasnya, untuk mendapatkan penjimatan air, fittings yang digunakan di dalam tandas ini haruslah daripada jenis yang cekap air. (HN-CKM)

PENGIRAAN

-

DOKUMEN PENGEMUKAAN

Bukti bergambar

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

CO₂ yang dibebaskan semasa proses rawatan air adalah sebanyak 0.419 kg CO₂ bagi setiap 1m³

RUJUKAN

- o Dokumen Panduan Kecekapan Air bagi Rekabentuk Sistem dalam Bangunan edisi 2015 JKR (Cawangan Kejuruteraan Mekanikal)

ISTILAH & MAKSUD

Tiada istilah baharu.



MARKAH BERKAITAN

- SB2 – Produk Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan air

PA

PA 2 PENJIMATAN PENGGUNAAN AIR

2.2 LUAR BANGUNAN

2 markah

MATLAMAT

Menjimatkan penggunaan air bagi aktiviti di luar bangunan.

KEPERLUAN PEMARKAHAN

1 markah : Terdapat penggunaan air kitar semula bagi aktiviti di luar bangunan.

ATAU

2 markah : Penggunaan sepenuhnya air kitar semula bagi aktiviti di luar bangunan

PENDEKATAN & STRATEGI

Kebiasaannya, penggunaan air yang melibatkan aktiviti di luar bangunan terdiri daripada pengairan tanaman dan mencuci kenderaan atau bangunan. Ia tidak melibatkan penggunaan air kitar semula secara langsung ke atas manusia.

Oleh itu, adalah sangat sesuai penggunaan air kitar semula ini dijadikan alternatif kepada penggunaan air yang dirawat (potable).

PENGIRAAN

Tiada pengiraan untuk kriteria ini.

DOKUMEN PENGEMUKAAN

- Tiada

CONTOH PENGEMUKAAN

Tiada contoh untuk kriteria ini.

POTENSI PENGURANGAN KARBON

Pengurangan CO₂ yang terserap

- 1m³ air mengeluarkan 0.419 kg CO₂.
- 2.1 juta liter air mengeluarkan 276 kg CO₂.
- hutan tropika menyerap 5.5 kg CO₂ / tahun.
- 2.1 hektar hutan tropika menangkap 4.3tCO₂ / tahun kepada 6.5 tCO₂ / tahun.
- 1 pokok menyerap kira-kira 1,000 kg CO₂
- 4.1 ekar pokok menyimpan 2,600 kg karbon / tahun (di mana kulit pokok bagi kawasan bandar adalah kira-kira 204 pokok / ekar, untuk hutan ia adalah kira-kira 480 pokok / ekar)

RUJUKAN

- o Rujukan yang berkaitan (rujuk LCCF)

ISTILAH & MAKSUD

- o Tiada istilah baharu.



MARKAH BERKAITAN

- SB2 – Produk Hijau

MANFAAT

- Mengurangkan penggunaan air

PA

PA 3 SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (SPAH)

3 MARKAH

Ir Ismail

MATLAMAT

